

**PENGARUH KECERDASAN PELBAGAI
TERHADAP PENCAPAIAN AKADEMIK
PELAJAR TINGKATAN ENAM BAGI
SUBJEK PENGAJIAN PERNIAGAAN
DI LARUT MATANG DAN SELAMA
PERAK**

KHO AI PENG

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

2021

**PENGARUH KECERDASAN PELBAGAI TERHADAP PENCAPAIAN
AKADEMIK PELAJAR TINGKATAN ENAM BAGI SUBJEK
PENGAJIAN PERNIAGAAN DI LARUT MATANG DAN
SELAMA PERAK**

KHO AI PENG

**TESIS DIKEMUKAKAN BAGI MEMENUHI SYARAT UNTUK MEMPEROLEH
IJAZAH DOKTOR FALSAFAH**

**FAKULTI PENGURUSAN DAN EKONOMI
UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS**

2021



Sila tanda (✓)
Kertas Projek
Sarjana Penyelidikan
Sarjana Penyelidikan dan Kerja Kursus
Doktor Falsafah

INSTITUT PENGAJIAN SISWAZAH
PERAKUAN KEASLIAN PENULISAN

Perakuan ini telah dibuat pada 06 (hari bulan) Julai (bulan) 2021

i. Perakuan pelajar :

Saya, Kho Ai Peng, P20141000999, Fakulti Pengurusan dan Ekonomi (FPE) (SILA NYATAKAN NAMA PELAJAR, NO. MATRIK DAN FAKULTI) dengan ini mengaku bahawa disertasi/tesis yang bertajuk Pengaruh Kecerdasan Pelbagai Terhadap Pencapaian Akademik Pelajar Tingkatan Enam bagi Subjek Pengajian Perniagaan di Larut Matang dan Selama, Perak

adalah hasil kerja saya sendiri. Saya tidak memplagiat dan apa-apa penggunaan mana-mana hasil kerja yang mengandungi hak cipta telah dilakukan secara urusan yang wajar dan bagi maksud yang dibenarkan dan apa-apa petikan, ekstrak, rujukan atau pengeluaran semula daripada atau kepada mana-mana hasil kerja yang mengandungi hak cipta telah dinyatakan dengan se jelasnya dan secukupnya

Tandatangan pelajar

ii. Perakuan Penyelia:

Saya, Prof. Madya Dr. Mohd Asri bin Mohd Noor (NAMA PENYELIA) dengan ini mengesahkan bahawa hasil kerja pelajar yang bertajuk Pengaruh Kecerdasan Pelbagai Terhadap Pencapaian Akademik Pelajar Tingkatan Enam bagi Subjek Pengajian Perniagaan di Larut Matang dan Selama, Perak

(TAJUK) dihasilkan oleh pelajar seperti nama di atas, dan telah diserahkan kepada Institut Pengajian Siswazah bagi memenuhi sebahagian/sepenuhnya syarat untuk memperoleh Ijazah Doktor Falsafah (SILA NYATAKAN NAMA

IJAZAH).

12 September 2021

Tarikh

Tandatangan Penyelia



UNIVERSITI
PENDIDIKAN
SULTAN IDRIS

SULTAN ISMAIL TUNJONG MALIM SRI SEREMBAN

INSTITUT PENGAJIAN SISWAZAH /
INSTITUTE OF GRADUATE STUDIES

BORANG PENGESAHAN PENYERAHAN TESIS/DISERTASI/LAPORAN KERTAS PROJEK
DECLARATION OF THESIS/DISSERTATION/PROJECT PAPER FORM

Tajuk / Title: Pengaruh Kecerdasan Pelbagai Terhadap Pencapaian Akademik
Pelajar Tingkatan Enam bagi Subjek Pengajian Perniagaan di
Larut Matang dan Selama, Perak

No. Matrik / Matric's No.: P20141000999

Saya / I: Kho Ai Peng

(Nama pelajar / Student's Name)

mengaku membenarkan Tesis/Disertasi/Laporan Kertas Projek (Kedoktoran/Sarjana)* ini disimpan di Universiti Pendidikan Sultan Idris (Perpustakaan Tuanku Bainun) dengan syarat-syarat kegunaan seperti berikut:-

acknowledged that Universiti Pendidikan Sultan Idris (Tuanku Bainun Library) reserves the right as follows:-

1. Tesis/Disertasi/Laporan Kertas Projek ini adalah hak milik UPSI.
The thesis is the property of Universiti Pendidikan Sultan Idris
2. Perpustakaan Tuanku Bainun dibenarkan membuat salinan untuk tujuan rujukan dan penyelidikan.
Tuanku Bainun Library has the right to make copies for the purpose of reference and research.
3. Perpustakaan dibenarkan membuat salinan Tesis/Disertasi ini sebagai bahan pertukaran antara Institusi Pengajian Tinggi.
The Library has the right to make copies of the thesis for academic exchange.
4. Sila tandakan (✓) bagi pilihan kategori di bawah / Please tick (✓) for category below:-



SULIT/CONFIDENTIAL

Mengandungi maklumat yang berdarjah keselamatan atau kepentingan Malaysia seperti yang termaktub dalam Akta Rahsia Rasmi 1972. / Contains confidential information under the Official Secret Act 1972



TERHAD/RESTRICTED

Mengandungi maklumat terhad yang telah ditentukan oleh organisasi/badan di mana penyelidikan ini dijalankan. / Contains restricted information as specified by the organization where research was done.



TIDAK TERHAD / OPEN ACCESS

(Tandatangan Pelajar / Signature)

(Tandatangan Penyelia / Signature of Supervisor)

Tarikh: 06.07.2021

Prof. Madya Dr. Mohd Asri Mohd Noor
Dekan

Fakulti Pengurusan dan Ekonomi
Universiti Pendidikan Sultan Idris
35900 Tanjong Malim, Perak

Catatan: Jika Tesis/Disertasi ini **SULIT** @

Notes: If the thesis is **CONFIDENTIAL** or **RESTRICTED**, please attach with the letter from the organization with period and reasons for confidentiality or restriction

TERHAD, sila lampirkan surat daripada pihak berkuasa organisasi berkenaan yang laporan ini perlu dikelaskan sebagai **SULIT** dan **TERHAD**.

RESTRICTED, please attach with the letter from the organization with period and reasons for confidentiality or restriction



PENGHARGAAN

Mendahului penghargaan ini jutaan terima kasih yang tidak terucap kepada penyelia saya Prof. Mayda Dr. Mohd Asri Bin Mohd Noor dan Dr. Nor Azrin Bin Md Latip atas bantuan yang berterusan, teguran dan nasihat yang amat berguna sepanjang kajian ini dijalankan. Tanpa bimbingan dan bantuan penyelia saya, di samping dengan izin darinya, mustahil bagi saya untuk menyiapkan kajian ini. Terima kasih juga kepada Prod Madya Dr. Marinah Awang dan Prof. Madya Dr. Ramlee Ismail atas motivasi diberikan selama ini. Saya juga ingin mengucapkan terima kasih kepada Majlis Peperiksaan Malaysia yang terlibat memberi kerjasama bagi memastikan pengumpulan data dapat digunakandalam kajian. Akhir sekali jutaan terima kasih dirakamkan kepada keluarga saya terutamanya ibu saya tersayang dan guru saya cikgu Shaiful Hasnan Bin Hamid serta rakan saya Liew Khoay Siong, Norazirawati Binti Mohamad, Dr. Mokhtar Pet, Dr. Saini Bin Ali. Ranggeta Kaur, Liew Wei Pei, Ho Poa Yi, Boo dan Tan Kah Keat yang memberi dorongan dan semangat untuk menyiapkan disertasi ini. Kepada arwah Prof. Madya Hariri Bin Kamis diucapkan ribuan terima kasih kerana mengingatkan saya perlu belajar secara berterusan dalam menimba ilmu dari penyelia secara berterusan dan melengkapkan tesis. Kejayaan ini merupakan kejayaan semua.





ABSTRAK

Tujuan kajian ini adalah untuk meneliti pengaruh kecerdasan pelbagai terhadap pencapaian akademik pelajar bagi subjek Pengajian Perniagaan di daerah Larut Matang dan Selama (LMS), Perak. Kajian kuantitatif ini melibatkan 291 orang responden yang terdiri daripada pelajar menengah dari lapan buah sekolah di daerah LMS yang dipilih secara rawak. Instrumen *Multiple Intelligences Test* yang dibangunkan oleh Gardner berdasarkan teori kecerdasan pelbagai oleh Gardner (1983) digunakan dalam kajian untuk menentukan pengaruh lapan domain kecerdasan pelbagai terhadap pelajar tingkatan enam dalam pencapaian akademik subjek Pengajian Perniagaan. Data dianalisis dengan menggunakan statistik deskriptif dan inferens iaitu Ujian T, ANOVA sehala, ujian korelasi Pearson dan ujian regresi pelbagai. Ujian T untuk menentukan perbezaan berdasarkan pengalaman pembelajaran subjek perdagangan menunjukkan hanya domain kecerdasan Linguistik $F(1, 291)=9.586$, $p=0.006$, logikal matematik $F(2,291)=3.045$, $p=0.082$, muzik $F(1,290)=0.013$, $p=0.908$ dan interpersonal $F(1,291)=0.404$, $p=0.525$ signifikan terhadap pencapaian akademik ($p<0.05$). Manakala ujian ANOVA sehala yang dijalankan untuk melihat sebab pelajar mengambil subjek Pengajian Perniagaan sama ada minat, tiada pilihan atau dipaksa menunjukkan domain linguistik $F=5.289$, $p=0.006$, interpersonal $F=4.419$, $p=0.017$ dan muzik $F=6.101$, $p=0.003$ perbezaan yang signifikan terhadap pencapaian akademik subjek Pengajian Perniagaan ($p<0.05$). Ujian korelasi Pearson juga menunjukkan domain kecerdasan linguistik $r=.362$, logikal matematik ($r=-.270$), muzik ($r=0.180$), spatial ($r=0.47$) dan interpersonal ($r=0.567$) menunjukkan hubungan signifikan terhadap pencapaian akademik ($p<0.05$). Kajian ini memberi maklumat penting bahawa domain kecerdasan pelbagai seharusnya diberi perhatian dalam persediaan pembelajaran dan pengajaran bagi membantu meningkatkan pencapaian subjek Pengajian Perniagaan. Analisis regresi pelbagai menunjukkan bahawa domain kecerdasan linguistik ($B=0.000$, $p=0.020$), logikal matematik ($B=-.003$, $p=0.002$), spatial ($B=.002$, $p=0.042$) dan interpersonal ($B=.006$, $p=0.001$) mempunyai pengaruh dalam menyumbang adjusted R^2 18.3% terhadap pencapaian akademik subjek Pengajian Perniagaan. Kesimpulannya, domain kecerdasan pelbagai memberi impak positif dalam kalangan pelajar dari segi motivasi dan mengenalpasti kekuatan diri sendiri, memperkembangkan potensi diri, berfikir secara kreatif dan kritis serta membantu pencapaian akademik yang cemerlang.





THE INFLUENCE OF MULTIPLE INTELLIGENCES TOWARD STUDENTS ACADEMIC PERFORMANCE FOR THE SUBJECT OF BUSINESS STUDIES IN LARUT MATANG AND SELAMA, PERAK

ABSTRACT

This study aimed to determine the influence of multiple intelligences toward academic achievements for the subject of Business Studies among Form 6 students in Larut Matang and Selama (LMS), Perak. This quantitative study involved 291 respondents who were randomly selected from eight secondary schools in the district of LMS. The Multiple Intelligences Test Instrument, developed by Gardner (1983) based on his Multiple Intelligences Theory, was used in the study to pinpoint the influence of eight multiple intelligences domains towards academic achievements among Form 6 students in Business Studies. The data were then analyzed using descriptive and statistical inference involving T-Test, One Way ANOVA, Pearson correlation and Multiple Regression Test. T-Test result for experience in subjek commerce studies, revealed only linguistic intelligences $F(1,291)=9.586$, $p=0.060$ logical mathematic intelligence $F(1,291)=3.045$, $p=0.082$, musical intelligence $F(1,291)=0.013$, $p=0.908$ and interpersonal intelligence domains $F(1,291)=0.405$, $p=0.525$ displayed significant impact toward academic achievements ($p<0.05$). Meanwhile One-Way ANOVA test which was used to reveal the reasons for taking Business Studies be it interest, no other options or being forced upon oneself, showed domain of linguistic intelligence $F=5.289$, $p=0.006$, interpersonal intelligences $F=4.419$, $p=0.017$ and musical intelligences $F=6.101$, $p=0.003$ showed significant difference toward the academic achievement of the Business Studies ($p<0.05$). This study also showed Pearson correlation value of the domains linguistic intelligence ($r=0.362$), logical mathematical intelligence ($r=-0.270$), music intelligence ($r=0.180$), spatial intelligence ($r=0.416$) and interpersonal intelligence ($r=0.567$) were significant towards academic achievements, ($p<0.05$). This study provided vital information that multiple intelligence domains should be given due attention in the preparation of teaching and learning to assist students to enhance their achievements in Business Studies. Meanwhile, Multiple Regression analysis proved that the domains of linguistic intelligence ($B=0.003$, $p=0.020$), logical mathematical intelligence ($B=-0.003$, $p=0.002$), spatial intelligence ($B=0.002$, $p=0.042$) and interpersonal intelligence ($B=0.006$, $p=0.001$) influenced and contributed adjusted R^2 18.3% to academic achievements in Business Studies.. In conclusion, the study revealed that multiple intelligences had a positive impact among students in terms of motivations, identify their own strengths, develop one's potentials, think creatively and critically and attain commendable academic achievements.



**KANDUNGAN****Muka Surat**

PERAKUAN KEASLIAN PENULISAN	ii
PENGESAHAN PENYERAHAN TESIS	iii
PENGHARGAAN	iv
ABSTRAK	v
ABSTRACT	vi
KANDUNGAN	vii
SENARAI JADUAL	xiv
SENARAI RAJAH	xviii
BAB 1PENDAHULUAN	
1.1 Pengenalan	1
1.2 Latar Belakang Kajian	6
1.2.1 Kecerdasan Linguistik	14
1.2.2 Kecerdasan Logikal Matematik	15
1.2.3 Kecerdasan Spatial	16
1.2.4 Kecerdasan Muzik	17
1.2.5 Kecerdasan Kinestetik	18
1.2.6 Kecerdasan Interpersonal	19
1.2.7 Kecerdasan Intrapersonal	21
1.2.8 Kecerdasan Naturalis	21
1.3 Penyataan Masalah	23
1.4 Kerangka Konsep Kajian	35
1.5 Tujuan dan Objektif Kajian	37
1.6 Persoalan Kajian	38



1.7	Hipotesis Kajian	39
1.8	Batasan Kajian	41
1.9	Kepentingan Kajian	42
1.10	Defini Operasi	44
1.10.1	Kecerdasan Pelbagai	44
1.10.2	Tingkatan Enam	44
1.10.3	Pencapaian Akademik	44
1.10.4	Pengajaran	45
1.10.5	Pengajian Perniagaan	45
1.10.6	Waktu Mengajar	46
1.10.7	Matlamat Pengajaran	46
1.10.8	Pembelajaran dan Pengajaran	46
1.10.9	Pengalaman Berniaga	47
1.10.10	Pengalaman Pembelajaran	47
1.11	Rumusan	47

BAB 2KAJIAN LITERATUR

2.1	Pengenalan	48
2.2	Teori Kecerdasan	49
2.3	Kecerdasan Pelbagai	60
2.4	Kajian tentang Tahap Kecerdasan Pelbagai Terhadap Pencapaian Akademik Pelajar	91
2.4.1	Kecerdasan Linguistik	91
2.4.2	Kecerdasan Logikal Matematik	96
2.4.3	Kecerdasan Spatial	100
2.4.4	Kecerdasan Muzik	108

2.4.5	Kecerdasan Kinestetik	113
2.4.6	Kecerdasan Interpersonal	121
2.4.7	Kecerdasan Intrapersonal	123
2.4.8	Kecerdasan Naturalis	125
2.5	Kajian Kecerdasan Pelbagai dalam Pendidikan	127
2.6	Tingkah Laku Kecerdasan Pelbagai dalam Kalangan Pelajar	137
2.6.1	Kecerdasan Pelbagai di Bilik Darjah	140
2.7	Hubungan Kecerdasan Pelbagai Dalam Pencapaian Akademik	152
2.7.1	Hubungan Kecerdasan Linguistik Terhadap Pencapaian Akademik	153
2.7.2	Hubungan Kecerdasan Logikal Matematik Terhadap Pencapaian Akademik	155
2.7.3	Hubungan Kecerdasan Spatial Terhadap Pencapaian Akademik	156
2.7.4	Hubungan Kecerdasan Muzik terhadap Pencapaian Akademik	158
2.7.5	Hubungan Kecerdasan Kinestetik terhadap Pencapaian Akademik	160
2.7.6	Hubungan Kecerdasan Interpersonal Terhadap Pencapaian Akademik	162
2.7.7	Hubungan Kecerdasan Intrapersonal Terhadap Pencapaian Akademik	163
2.7.8	Hubungan Kecerdasan Pelbagai Naturalis Terhadap Pencapaian Akademik	164
2.8	Pengaruh Kecerdasan Pelbagai Terhadap Pencapaian Akademik	166
2.9	Rumusan	172

BAB 3METODOLOGI KAJIAN

3.1	Pengenalan	174
3.2	Reka Bentuk Kajian	175

3.3	Populasi Kajian	178
3.4	Persampelan Kajian	179
3.4.1	Persampelan Rawak Berstrata	185
3.5	Instrumen Kajian	188
3.5.1	Bahagian A: Demografi Responden	190
3.5.2	Bahagian B: Domain Kecerdasan Pelbagai (Multiple Intelligences Test) dibangunkan Gardner (1999,2006)	192
3.6	Prosedur Kajian	194
3.6.1	Proses Sebelum Pengedaran Borang Soal Selidik	196
3.6.2	Proses Semasa Pengedaran Borang Soal Selidik	196
3.6.3	Proses Mengutip Borang	198
3.7	Ujian Rintis	198
3.8	Kesahan Kandungan Instrumen	201
3.9	Kebolehpercayaan Instrumen	203
3.10	Analisis Faktor Eksploratori (EFA)	205
3.11	Tatacara Penganalisisan Data	208
3.11.1	Kelinearan Data	211
3.11.2	Multicollinearity	212
3.11.3	Nilai Ekstrem	213
3.11.4	Ujian Autokolerasi Durbin-Watson	213
3.11.5	Ujian Heteroscedasticity	214
3.12	Analisis Deskriptif	215
3.13	Analisis Inferens	215
3.14	Rumusan	222

**BAB 4 DAPATAN KAJIAN**

4.1	Pengenalan	224
4.2	Penerokaan dan Saringan Data	225
4.2.1	Kelinearan Data	226
4.2.2	Taburan Normal Data	227
4.3	Ujian Kebolehpercayaan dan Kesahan	229
4.4	Analisis Deskriptif	233
4.4.1	Taburan Responden Mengikut Jantina	234
4.4.2	Taburan Responden Mengikut Sasaran Pelajar Untuk Subjek Pengajian Perniagaan	235
4.4.3	Taburan Bangsa Responden	236
4.4.4	Taburan Responden Mengikut Bangsa	236
4.4.5	Taburan Responden Mengikut Tahap Pendidikan Bapa	237
4.4.6	Taburan Responden Mengikut Pengalaman Belajar Subjek Perdagangan	238
4.4.7	Taburan Responden Mengikut Pencapaian Pengajian Perniagaan di Peringkat Sekolah	239
4.5	Analisis Deskriptif	240
4.6	Pengujian Hipotesis Kajian	248
4.6.1	Menentukan Perbezaan yang Wujud Perbezaan yang Signifikan di antara Demografi Pelajar Terhadap Pencapaian Akademik	248
4.6.1.1	Tidak terdapat Perbezaan yang Menunjukkan Faktor Jantina dengan Domain Kecerdasan Pelbagai dalam Subjek Pengajian Perniagaan	248
4.6.1.2	Tidak terdapat Perbezaan di antara Pengalaman Berniaga dalam Pencapaian Akademik Subjek Pengajian Perniagaan	250



4.6.1.3	Tidak terdapat Perbezaan di antara Pengalaman Pembelajaran dalam Pencapaian Akademik Subjek Pengajian Perniagaan	251
4.6.1.4	Tidak terdapat Perbezaan di antara Sebab Mengambil Subjek Pengajian Perniagaan Domain Kecerdasan Pelbagai terhadap Pencapaian Akademik	252
4.6.1.5	Menentukan Hubungan Kecerdasan Pelbagai dalam Pencapaian Pengajian Perniagaan	256
4.6.1.6	Tidak terdapat Hubungan yang Signifikan antara Kecerdasan Pelbagai dengan Pencapaian Pengajian Perniagaan	256
4.6.1.7	Menentukan Domain Kecerdasan Pelbagai yang Mempengaruhi Pencapaian Subjek Pengajian Perniagaan	257
4.6.1.8	Apakah Domain Kecerdasan Pelbagai yang Mempengaruhi Pencapaian Subjek Pengajian Perniagaan	258

4.6.1.9	Analisis Ujian Regresi Pelbagai	263
---------	---------------------------------	-----

4.7 Rumusan

BAB 5 PERBINCANGAN DAN CADANGAN

5.1	Pengenalan	267
5.2	Ringkasan Kajian	268
5.3	Perbincangan	269
5.3.1	Perbincangan Analisis Deskriptif	269
5.3.2	Pelajar Tingkatan Enam	270
5.3.3	Jadual Waktu	272
5.3.4	Pencapaian Akademik	273
5.4	Rumusan Kajian	277
5.4.1	Apakah Tahap Kecerdasan Pelbagai Terhadap Pencapaian Akademik Subjek Pengajian Perniagaan?	277

5.4.1.1	Tahap Kecerdasan Pelbagai Pelajar yang Mengambil Subjek Pengajian Perniagaan	277
5.4.2	Adakah Wujud Perbezaan Demografi yang Signifikan dalam Kecerdasan Pelbagai Terhadap Pencapaian Akademik?	293
5.4.3	Adakah Wujud Perhubungan di antara Kecerdasan Pelbagai Terhadap Pencapaian Akademik Pengajian Perniagaan?	294
5.4.4	Apakah Faktor-Faktor yang Mempengaruhi Kecerdasan Pelbagai dalam Pencapaian Akademik Subjek Pengajian Perniagaan?	294
5.5	Perbincangan Hasil Kajian	295
5.5.1	Tahap Kecerdasan Pelbagai Terhadap Pencapaian Akademik Subjek Pengajian Perniagaan	295
5.5.2	Tidak Terdapat Perbezaan Kecerdasan Pelbagai yang Signifikan antara Pelajar yang Mengambil Pengajian Perniagaan	307
5.5.3	Adakah Wujud Hubungan di antara Kecerdasan Pelbagai dengan Pencapaian Akademik Pelajar STPM?	308
5.5.4	Wujud Kecerdasan Pelbagai Terhadap Pencapaian Akademik Pengajian Perniagaan?	310
5.6	Implikasi dan Cadangan	334
5.7	Cadangan Kajian Lanjutan	353
5.8	Rumusan	356
	RUJUKAN	357
	LAMPIRAN	

**SENARAI JADUAL**

No. Jadual		Muka Surat
1.1	Prestasi keseluruhan pelajar bagi subjek Pengajian Perniagaan semester satu, dua dan tiga pada tahun 2017 sehingga 2018.	8
1.2	Purata nilai gred keseluruhan PNGK dari tahun 2011 sehingga tahun 2018	9
1.3	Perbandingan pencapaian setiap subjek pada tahun 2015 dan tahun 2016	11
1.4	Subjek yang turun prestasi	12
1.5	Purata peratus lulus subjek Pengajian Perniagaan dari tahun 2013 sehingga 2019	25
1.6	Purata peratus lulus subjek Pengajian Perniagaan dari tahun 2013 sehingga 2019	29
3.1	Bilangan calon STPM Daerah Larut Matang & Selama Tahun 2016	179
3.2	Sebahagian daripada jadual Penentuan Saiz Sampel oleh Krejcie dan Morgan (1970)	181
3.3	Anggaran Bilangan Minimum Sampel Mengikut Sekolah di Daerah LMS	183
3.4	Sampel dan Populasi Mengikut Sekolah yang Terpilih di Daerah LMS, Perak	184
3.5	Instrumen <i>Multiple Intelligences Test</i>	189
3.6	Bahagian A Maklumat Demografi	192
3.7	Skala dan Pilihan Jawapan	193
3.8	Tahap dan Skor Min	194
3.9	Nilai Cronbach Alpha	204
3.10	Nilai <i>Cronbach Alpha Multiple Intelligences Test</i> bagi Kajian Rintis di SMK Tun Dr. Ismail, Muar, Johor	205



3.11	Nilai <i>Kaiser, Meyer dan Olkin</i>	207
3.12	Anggaran Kekuatan Perhubungan antara Dua Pemboleh ubah	219
3.13	Rumusan Analisis data dalam Menjawab Soalan Kajian	222
4.1	Nilai <i>Cronbach Alpha</i> Soal Selidik <i>Multiple Intelligences Test</i>	229
4.2	Nilai <i>KMO</i> bagi <i>Multiple Intelligences Test</i>	230
4.3	Nilai <i>KMO</i> bagi kesemua Domain <i>Multiple Intelligences Test</i>	231
4.4	Ujian Parallel Analysis bagi Domain Kecerdasan Pelbagai	231
4.5	Ujian EFA bagi Domain Kecerdasan Pelbagai	233
4.6	Jantina Responden	234
4.7	Sasaran Responden	235
4.8	Responden Mengikut Bangsa	236
4.9	Taburan Responden Mengikut Tahap Pendidikan Bapa	237
4.10	Responden Mengikut Pengalaman Belajar Subjek Perdagangan	238
4.11	Pencapaian Responden dalam Subjek Pengajian perniagaan Ujian Pra 1	239
4.12	Keputusan Analisis Min Bagi Domain Kecerdasan Pelbagai Verbal Linguistik	240
4.13	Keputusan Analisis Min Bagi Domain Kecerdasan Pelbagai Logikal Matematik	241
4.14	Keputusan Analisis Min Bagi Domain Kecerdasan Pelbagai Visual Ruang	242
4.15	Keputusan Analisis Min Bagi Domain Kecerdasan Pelbagai Kinestetik	243
4.16	Keputusan Analisis Min Bagi Domain Kecerdasan Pelbagai Muzik	244

4.17	Keputusan Analisis Min Bagi Domain Kecerdasan Pelbagai Interpersonal	245
4.18	Keputusan Analisis Min Bagi Domain Kecerdasan Pelbagai Intrapersonal	246
4.19	Keputusan Analisis Min Bagi Domain Kecerdasan Pelbagai Naturalis	247
4.20	Ujian T terhadap Jantina dengan Domain kecerdasan Pelbagai	248
4.21	Ujian T terhadap Pengalaman Berniaga dengan Domain Kecerdasan Pelbagai	250
4.22	Ujian T terhadap Pengalaman Pembelajaran dengan Domain Kecerdasan Pelbagai terhadap Pencapaian Akademik subjek Pengajian Perniagaan	251
4.23	Ujian Anova Sehala terhadap Faktor Sebab Mengambil Subjek Pengajian Perniagaan dalam Domain Kecerdasan Pelbagai	253
4.24	Ujian <i>Post Hoc Turkey HSD</i> bagi Perbezaan Min Domain Kecerdasan Pelbagai terhadap Sebab Mengambil Subjek Pengajian Perniagaan	254
4.25	Keputusan Ujian Korelasi Pearson Antara Kecerdasan Pelbagai dengan Pencapaian Pengajian Perniagaan	256
4.26	Ujian <i>Multicollinearity</i>	259
4.27	Faktor-Faktor Domain Kecerdasan Pelbagai yang Mempengaruhi Prestasi Pelajar	263
4.28	Keputusan Anova	264
4.29	Ringkasan Dapatan Ujian Hipotesis	265
5.1	PNGK subjek Pengajian Perniagaan	275
5.2	Kriteria Penilaian Kerja Kursus	279
5.3	Kriteria Penilaian Kerja Kursus Subjek Pengajian Perniagaan	288

5.4	Strategi Pembelajaran dan Pengajaran Berdasarkan Teori Kecerdasan Pelbagai dalam Subjek Pengajian Perniagaan	318
5.5	Rumusan kecerdasan pelbagai dalam pembelajaran dan pengajaran subjek Pengajian Perniagaan	333
5.6	Wajaran ujian sistem pentaksiran baharu subjek Pengajian Perniagaan	336
5.7	Tajuk Kerja Kursus dari Tahun 2013 sehingga Tahun 2019	337
5.8	Peratus Pengiraan dalam Subjek Pengajian Perniagaan	344
5.9	Tajuk Subjek Pengajian Perniagaan Melibatkan Gambar Rajah dari Semester Satu sehingga Tiga	345



SENARAI RAJAH

No. Rajah		Muka Surat
1.1	Kerangka Konsep Kajian	36
3.1	Hubungan Pembolehubah Bebas dan Pembolehubah Bersandar	177
3.2	Proses Persampelan Rawak Berstrata Berkadaran	186
4.1	<i>P-P Plot</i> Lineariti Pencapaian Akademik Subjek Pengajian Perniagaan	227
4.2	<i>Box and whisker Plot</i> pencapaian akademik subjek Pengajian Perniagaan	228
4.3	Ujian <i>Parallel analysis</i> bagi Domain Kecerdasan Pelbagai	232
4.4	Ujian <i>Heteroscedasticity</i> bagi Domain Markah terhadap Pencapaian Akademik	261
4.5	Ujian Residual	262





BAB 1

PENDAHULUAN



1.1 Pengenalan

Pendidikan merupakan pencetus inovasi dan kreativiti yang melengkapkan generasi muda dengan pengetahuan diperlukan untuk berdaya saing di pasaran kerja. Sistem pendidikan tinggi di seluruh negara pula akan mengalami perubahan hasil perubahan hasil revolusi industri 4.0 (Marmolejo, 2017). Beliau menyatakan proses melaksanakan pendidikan 4.0 akan memenuhi keperluan negara membangunkan pendidikan yang relevan dan selaras perindustrian 4.0. Beliau menyatakan pendapatnya pengetahuan yang ada pada hari ini hanya dapat menyumbang satu peratus menjelang tiga puluh tahun akan datang. Menurut Mahathir (2020) membaca merupakan amalan asas pengukuhan pengetahuan. Ilmu pengetahuan merupakan asas pembangunan diri manusia. Ini bermakna, pembacaan yang



banyak dapat mempertingkatkan kecerdasan emosi dan tahap kecerdasan intelektual. Oleh itu, dalam mencapai aspirasi yang tinggi dalam persaingan global ini, sistem pendidikan perlu melonjakkan pencapaian pelajar dengan melakukan penambahbaikan dalam sistem pendidikan selari dengan kemajuan negara. Menurut Mahathir (2018) generasi muda perlu digesa untuk teruskan pembelajaran sepanjang hayat. Ini kerana pembelajaran sepanjang hayat akan meningkatkan kebarangkalian mencapai kejayaan dan meningkatkan kecekapan menguasai sesuatu kemahiran dalam kehidupan. Justeru itu, guru seharusnya mengembangkan kecerdasan pelajar dan menggunakan cara pengajaran dan pembelajaran yang bersesuaian dengan perkembangan kecerdasan pelajar. Menurut Gardner (1983) kecerdasan yang tidak dicungkil dan dijaga akan hilang mengikut masa. Gardner (2006) melaporkan teori kecerdasan pelbagai perlu dikembangkan secara menyeluruh di pendidikan kerana ia melibatkan pelbagai aspek tingkah laku manusia yang perlu diperkembangkan. Melalui teori ini wujud perspektif yang berbeza dalam pengajaran dan pembelajaran agar kecerdasan dan potensi diri pelajar dicungkil. Ini bermakna pelajar akan mengenalpasti kekuatan masing-masing dan pelajar lebih bermotivasi menjalani proses pengajaran dan pembelajaran dengan baik. Implikasinya pengajaran dan pembelajaran di dalam kelas menjadi lebih berkesan.

Menurut Wan Ahmad, Wan Rashid dan Mohd Hashim (2011) dalam Hazwani dan Nor (2018) menyatakan asas-asas pembelajaran yang ditawarkan di sebuah institusi pendidikan adalah berlandaskan penekanan pembelajaran sepanjang hayat. Sebagaimana dalam RMK-11 fokus kerajaan adalah untuk mengukuhkan program pembelajaran sepanjang hayat bagi meningkatkan kemahiran dan menambah baik kualiti sistem



pendidikan sekali gus memantapkan institusi pendidikan. Menurut Arcuria (2011) dalam Hazwani dan Nor (2018) kemahiran interpersonal dan kemahiran usahawan dan kemahiran motivasi adalah penting bagi pelajar diguna pakai di masa hadapan. Oleh itu, Meningkatkan kualiti pendidikan menuju ke pendidikan 4.0 perlulah seiring dengan perindustrian 4.0 yang amat memerlukan transformasi yang memenuhi perubahan menggunakan pengajaran dan pembelajaran yang pelbagai serta melihat teknologi sebagai alat perancangan dalam pengajaran agar pelajar mampu memiliki menguasai kemahiran diperlukan dalam abad ke-21. Ini adalah selaras dengan pendapat Gardner (2006) yang menyatakan bahawa teori kecerdasan pelbagai perlu diperkembangkan secara meluas kerana kecerdasan pelbagai melibatkan pelbagai aspek tingkah laku manusia yang perlu diperkembangkan secara meluas kerana kecerdasan pelbagai melibatkan pelbagai aspek tingkah laku manusia yang perlu diperkembangkan dari pelbagai perspektif.

Gardner (1983) menegaskan masa penting dalam memperkembangkan kecerdasan individu. Ini bermakna, kecerdasan pelbagai berupaya mewujudkan nilai tambah individu melalui proses pengajaran dan pembelajaran yang memberi perhatian terhadap domain kecerdasan pelbagai yang dibangunkan oleh Gardner. Justeru, guru yang berusaha meningkatkan potensi pelajar berupaya mencungkil potensi pelajar dalam sesi pengajaran dan pembelajaran. Guru perlu memastikan kejayaan proses pengajaran bersesuaian dengan situasi dan tahap perkembangan pelajar. Sebagaimana dinyatakan oleh Carls dan Christine (2017) guru perlu memahami pendekatan yang mampu mempengaruhi pembelajaran pelajar yang positif.





Secara umumnya, peperiksaan menekankan pengujian mengingat semula fakta dan mendorong para guru mengutamakan penghafalan dalam pembelajaran dan pengajaran. Pengabaian kemahiran pembelajaran yang mencungkil potensi pelajar yang diamalkan amat bercanggah dengan aspek pembelajaran yang memberi penekanan kepada sumbangan idea, fikiran, pendapat dengan jelas. Amalan pendekatan teori kecerdasan pelbagai mampu mengubah pola pendekatan tradisional atau klasik dan akhirnya akan menyeronokkan proses pembelajaran dan pengajaran dan memudahkan pembelajaran (Gardner, 2006). Ini selaras dengan Falsafah Pendidikan Kebangsaan (Sukatan Pelajaran Pengajian Perniagaan 2012: 2) yang menyatakan:

“Pendidikan di Malaysia adalah satu usaha yang berterusan ke arah memperkembangkan lagi potensi individu secara menyeluruh, dan bersepadu untuk mewujudkan insan yang seimbang dan harmonis dari segi intelek, rohani, emosi dan jasmani berdasarkan kepercayaan dan kepatuhan kepada Tuhan.”

Secara khususnya, teori kecerdasan pelbagai yang dikemukakan oleh Gardner (1983) menyokong pembelajaran selaras dengan Falsafah Pendidikan Kebangsaan. Penekanan teori ini membolehkan guru memberi fokus kepada isi kandungan pengajaran dan pembelajaran yang berkesan dalam proses penyampaian pengajarannya. Guru disarankan memberi tumpuan kepada kekuatan pelajar dalam sesi pembelajaran. Dengan itu, pendekatan penyelesaian masalah dalam kalangan pelajar dapat dipraktikkan dalam pembelajaran secara langsung. Gardner (1983) berpendapat, guru yang memahami





kecerdasan pelajar akan sentiasa peka akan keperluan pelajar mempertingkatkan kemahiran mereka dalam berfikir secara kritis.

Tidak dinafikan kecerdasan pelbagai diterokai dalam bidang pendidikan dipandang sebagai perspektif yang memberi manfaat bukan sahaja kepada keupayaan pemikiran kritis dan kreatif, tetapi juga mengenal pasti potensi pelajaran dan pembelajaran (Gardner, 1991). Justeru, membantu pelajar mencapai kecemerlangan, pembelajaran dan pengajaran serta memfokuskan kepada proses seseorang pelajar perlu menilai, melihat dan mencuba dalam proses pembelajaran. Menurut Gardner (1991) kecerdasan pelbagai boleh dipertingkatkan melalui pendidikan dan latihan. Melalui latihan yang bersesuaian, maka kecerdasan seseorang boleh dipertingkatkan. Pengetahuan tentang kecerdasan pelbagai adalah penting untuk semua pihak agar pelajar dapat menilai, mengguna dan menghubungkan setiap kecerdasan dalam kemahiran belajar. Para pelajar perlu didedahkan teknik pembelajaran menimba ilmu yang berkesan, mencungkil potensi dan memaksimumkan kekuatan di samping memimpin mereka ke arah kerjaya yang bersesuaian kecerdasan mereka.

Menurut Pascarella (2005) pengajaran selepas pendidikan menengah yang menekankan kepentingan pelajar dapat mengembangkan intelektual berdasarkan penekanan inovatif memberi implikasi positif kepada pelajar. Maka pelajar seharusnya digalakkan mencapai kecemerlangan berdasarkan penekanan membangunkan kekuatan dan potensi yang bersesuaian dengan teori kecerdasan pelbagai yang mana menekankan konteks menyelesaikan masalah berlandaskan teori kecerdasan pelbagai Gardner (2006).





Kesimpulannya, pendekatan pembelajaran individu adalah berbeza. Masing-masing ingin mencapai impian untuk memperoleh kejayaan pada masa hadapan. Kecemerlangan pelajar bergantung pada pengajaran guru sebagai penggerak utama menentukan hala tuju pelajar. Guru digalakkan mempraktikkan teknik pengajaran dan pembelajaran pelbagai seperti kecerdasan pelbagai dalam proses pengajaran. Impaknya proses pembelajaran pelajar akan terus dipertingkatkan pada setiap masa. Kecerdasan pelbagai tidak dinafikan merangsang idea baharu, idea kreatif dalam kalangan pelajar (Campbell, Campbell & Dickenson 1996; Kornhaber, Veenema & Fierros 2003; Stanford, 2003). Wilson (2013) menyokong teori kecerdasan pelbagai perlu diaplikasikan secara meluas dalam bidang pendidikan memandangkan teori kecerdasan pelbagai signifikan dalam pengajaran dan pembelajaran dalam kalangan pelajar (Zhang, 2017; Armstrong, 2018 & Jia, 2020).



1.2 Latar belakang kajian

Data pelajar tingkatan enam yang mendaftar subjek Pengajian Perniagaan daripada Majlis Peperiksaan Malaysia (MPM) 2018 menunjukkan seramai 17 957 calon pelajar mendaftar subjek Pengajian Perniagaan pada semester satu. Data menunjukkan pelajar yang mendaftar subjek Pengajian Perniagaan pada semester satu berbanding tahun 2017 telah mencatatkan penurunan seramai 137 calon pelajar. Data turut mencatatkan peratus pencapaian A yang diperolehi oleh calon semester satu tahun 2018 berbanding tahun sebelumnya mengalami penurunan 2.15%. Peratusan pelajar yang gagal mencatatkan



peningkatan kepada 34.18% (2018) berbanding 33.24% (2017). Pada tahun 2018, seramai 17 820 calon pelajar telah mendaftar mengambil subjek Pengajian Perniagaan penggal dua, peratusan pelajar yang mendaftar semester dua telah meningkat kepada 43 orang calon berbanding tahun sebelumnya. Data telah menunjukkan calon mendapat A mencatatkan penurunan Gred A(-0.2%), A(-0.42%), B+(-0.42%), B(-0.44%), B-(-1.12%). Keseluruhannya menunjukkan penguasaan pelajar terhadap subjek Pengajian Perniagaan masih berada pada tahap sederhana. Ini kerana peratusan Gred kegagalan hanya mencatatkan sedikit penurunan iaitu dari 30.97% menurun kepada 29.86%(-1.11%). Pada semester akhir iaitu semester tiga, pelajar yang mendaftar mengambil subjek Pengajian Perniagaan ialah 17 290 orang pelajar. Pada semester tiga data mencatatkan peningkatan 627 calon orang pelajar mendaftar subjek Pengajian Perniagaan. Walau bagaimanapun, pencapaian subjek Pengajian Perniagaan masih mencatatkan peratus Gred A yang rendah, pada tahun 2018 Gred A (5.88) berbanding 2017(10.28%) iaitu penurunan Gred A (-4.4%). Namun Gred F mencatatkan pengurangan dari 33.24% kepada 16.95% (-16.29%). Menurut MPM (2018) tahap penguasaan pelajar menjawab soalan masih berada pada tahap memuaskan sahaja. MPM (2018) mengakui pelajar masih tidak dapat menguasai tajuk dengan baik berlandaskan jumlah markah yang masih rendah. Pelajar tidak berupaya menjawab dengan baik walaupun soalan pada aras rendah. Rujuk Jadual 1.1 .

Jadual 1.1

Prestasi keseluruhan Pelajar bagi subjek Pengajian Perniagaan semester 1, 2 dan 3 pada tahun 2017 sehingga 2018.

Gred	2018	2017	Perbezaan % sem1 2018 dan 2017	2018	2017	Perbezaan % sem2 tahun 2017 dan 2018	2018	2017	Perbezaan % sem 3 tahun 2018 dan 2017
	Semester 1 (%)			Semester 2(%)			Semester 3(%)		
	Jumlah calon 17 957	Jumlah calon 19 044	-137 calon	Jumlah calon 17 810	Jumlah calon 16 757	+ 43 calon	Jumlah calon 17 290	Jumlah calon 16 563	+627 calon
A	8.13	10.28	-2.15	1.88	2.08	-0.2	5.88	10.28	-4.4
A-	2.58	2.32	-0.26	2.15	2.57	-0.42	5.03	2.32	+2.71
B+	4.81	4.35	+0.46	5.01	5.43	-0.42	9.69	4.35	+5.34
B	3.91	3.32	+0.59	6.24	6.68	-0.44	9.65	3.32	+6.33
B-	9.56	8.21	+1.35	8.42	9.54	-1.12	9.39	8.21	+1.18
C+	8.91	8.71	+0.20	12.81	9.58	+3.23	12.99	8.71	+4.82
C	13.21	12.06	-1.15	11.23	13.52	-2.29	9.93	12.06	-2.13
C-	3.80	7.13	-3.33	8.82	6.0	+2.82	6.74	7.13	-0.39
D+	7.25	3.41	+2.94	5.75	8.23	-2.48	8.52	3.41	+5.11
D	3.65	6.91	-3.26	7.82	5.38	+2.44	5.24	6.91	-1.67
F	34.18	33.24	+0.94	29.86	30.97	-1.11	16.95	33.24	-16.29

Sumber: Majlis Peperiksaan Malaysia

Menurut Prof Emeritus Datuk Ir. Dr. Mohd Azraai (2020) bilangan calon mendaftar menduduki STPM 2019 meningkat sebanyak 4.4% kepada 44 823 calon berbanding pada tahun 2018 mencatatkan 44 289 calon. Beliau menyatakan secara keseluruhannya pencapaian PNGK calon peperiksaan STPM 2019 ialah 2.77 iaitu mencatatkan penurunan (-0.03) berbanding tahun sebelumnya. Walau bagaimanapun, PNGK nasional 2.77 masih mengatasi PNGK STPM tahun 2017, 2016, 2015, 2014 dan 2013. Data menunjukkan subjek Pengajian Perniagaan tidak disenaraikan dalam empat subjek yang menunjukkan peningkatan pada tahun 2019. Rujuk Jadual 1.2.

Jadual 1.2

Purata nilai gred keseluruhan PNGK dari tahun 2011 sehingga tahun 2018

Tahun	Purata Nilai Gred Keseluruhan PNGK	Peningkatan/Penurunan
2019	2.77	-0.03
2018	2.80	+0.04
2017	2.76	+0.05
2016	2.71	+0.06
2015	2.65	+0.03
2014	2.62	+0.05
2013	2.57	+0.24
2012	2.33	+0.11
2011	2.22	-

Sumber: Majlis Peperiksaan Malaysia, 2018

Menurut Muhammed Mustafa Ishak (2018) keputusan peperiksaan STPM mencatatkan peningkatan yang berterusan yang perlahan pada setiap tahun. Peningkatan purata nilai Gred keseluruhannya PNGK pada tahun 2018 meningkat 0.04 kepada 2.80. Sepanjang lima tahun, PNGK mencatatkan peningkatan yang perlahan (rujuk jadual 1.2). Mohamad Mustafa (2017) mengulas prestasi STPM perlu dipertingkatkan lagi ke peringkat lebih cemerlang. Beliau menyatakan penjenamaan semula tingkatan enam seharusnya meningkatkan kualiti pencapaian lebih meyakinkan. Namun secara keseluruhannya, pada tahun 2016 calon yang mendapat PNGK 4.00 menurun dari 1.13 peratus bersamaan 485 calon berbanding 1.31 peratus iaitu seramai 565 calon. Pencapaian calon yang mencapai lulus dalam satu sehingga lima mata pelajaran juga mencatatkan penurunan dari 1.21 peratus berbanding 1.33 peratus pada tahun tersebut.



Pelajar tingkatan enam di sekolah dikehendaki mengambil sekurang-kurang empat subjek dan maksimum dihadkan kepada lima subjek. Pelajar perlu berusaha mendapatkan sekurang-kurangnya lulus penuh subjek yang didaftar dalam peperiksaan awam. Secara keseluruhannya, pelajar yang mengambil subjek Pengajian Perniagaan adalah ramai, namun peratusannya yang dicapai kurang memberangsangkan berbanding subjek lain. Majlis Peperiksaan Malaysia (2018) melaporkan jumlah keseluruhan calon yang mendaftar menduduki peperiksaan STPM ialah 44 028 calon manakala calon yang mendaftar subjek Pengajian Perniagaan mencatatkan 17 957 (semester satu), 17 810 (semester dua) dan 17 290 (semester tiga) calon. Pada tahun 2018 data menunjukkan pelajar yang lulus penuh bagi subjek Pengajian Perniagaan semester 1 (51.11%), semester 2 (47.74%) dan semester 3 (52.63%). Keseluruhannya, keputusan STPM 2018 adalah pada tahap sederhana.



Menurut Mohamed Mustafa (2017) secara keseluruhannya, kesemua 22 subjek ditawarkan dalam STPM tahun 2017 hanya mencatatkan peratusan lulus penuh 70 peratus iaitu gred C. Oleh itu, masalah ini perlu diberi perhatian agar misi Kementerian Pendidikan Malaysia menyasarkan sekolah mencapai pencapaian prestasi tinggi mampu direalisasikan dengan jayanya.

Sementara itu, berbanding dengan subjek yang lain ditawarkan, subjek Pengajian Perniagaan masih menunjukkan perbezaan jurang peratusan yang tinggi berbanding subjek lain ditawarkan. (Rujuk jadual 1.3).



Jadual 1.3

Perbandingan pencapaian setiap subjek pada tahun 2015 dan tahun 2016

	Bil Calon Menduduki		Peratus Lulus Penuh		Peratus Gagal		Beza Lulus
Subjek	2016	2015	2016	2015	2016	2015	Penuh
Pengajian am	42 824	41 446	91.02	90.02	0.32	0.38	1.00
Bahasa Melayu	26 893	25 657	90.74	89.93	0.52	0.60	0.81
Bahasa Cina	271	247	84.87	86.24	3.32	3.64	-1.37
Bahasa Tamil	415	391	80.72	79.54	2.89	3.84	1.18
Bahasa Arab	1 534	1 545	69.23	67.12	10.30	12.95	2.11
Literature	64	60	85.94	73.33	0.00	1.67	12.61
Kesusasteraan	5 516	5 087	88.54	88.05	0.87	0.51	0.49
Usuluddin	1 000	956	92.70	92.36	0.40	0.52	0.34
Sejarah	21 890	20 861	88.33	86.98	2.25	3.27	1.35
Geografi	11 659	10 867	85.45	84.07	2.08	1.85	1.38
Ekonomi	13 279	13 174	77.03	73.63	4.59	4.26	3.40
Pengajian Perniagaan	16 118	15 403	85.63	83.97	2.26	2.79	1.66
Perakaunan	2 257	2 069	88.39	84.24	3.94	7.11	4.15
Matematik (M)	943	1 026	75.40	70.66	10.60	15.60	4.74
Matematik (T)	6 082	6 485	74.43	75.22	11.26	10.86	-0.79
Information communication	325	339	94.46	90.86	0.00	2.07	3.60
TechPhysics	2 613	2 940	79.87	78.30	5.05	7.86	1.57
Chemistry	5 982	6 430	85.02	84.82	0.67	1.45	0.20
Biology	3 511	3 598	79.44	76.87	1.45	3.43	2.57
Sains Sukan	2 368	1 972	97.30	94.07	2.58	5.63	3.23
Seni Visual	6 919	6 107	97.43	95.45	0.49	1.64	1.98

Sumber: Majlis Peperiksaan Malaysia, 2017

Berdasarkan jadual 1.3 didapati pencapaian subjek teras Pengajian Am mengekalkan kualiti yang tinggi iaitu 90 peratus ke atas dan empat subjek elektif iaitu subjek Usuluddin, *information communication*, subjek sains sukan dan subjek seni visual turut mengekalkan prestasi cemerlang 90 peratus ke atas. Namun demikian, subjek Pengajian Perniagaan hanya mengekalkan peratusan lulus penuh 80 peratus ke atas.

Maka, penyelidik beranggapan pencapaian subjek Pengajian Perniagaan masih berada di tahap yang kurang memberangsangkan berbanding subjek teras selaras dengan saranan KPM yang mengharapkan semua sekolah mampu melahirkan modal insan yang berdaya saing di pasaran global. Kegagalan mencapai sasaran ditetapkan boleh dilihat dari segi perbezaan lulus penuh yang mencatatkan 1.66 peratus dan pada tahun 2011 subjek Pengajian Perniagaan merupakan subjek yang turun prestasi yang kedua tertinggi iaitu 4.06 peratus (Rujuk jadual 1.4).

Jadual 1.4

Subjek yang turun prestasi

Bil	Subjek	Peratusan Lulus Penuh		Peratusan Turun
		2010	2011	
1	Syariah	75.96	73.94	-2.02
2	Pengajian Am	80.78	77.38	-3.40
3	Pengajian Perniagaan	70.27	66.21	-4.06
4	Matematik Tambahan	72.73	60.00	-12.73

Sumber: Majlis Peperiksaan Malaysia, 2012

Berdasarkan jadual 1.4, subjek Pengajian Perniagaan mencatatkan penurunan peratusan lulus penuh. Subjek Pengajian Perniagaan jelas menunjukkan peratus penurunan kedua tertinggi antara empat subjek yang mengalami penurunan prestasi. Ini menunjukkan subjek Pengajian Perniagaan menunjukkan purata lulus yang kurang memberangsangkan. Menurut Kementerian Pendidikan Malaysia (2012) mendapati kualiti pengajaran guru signifikan dalam pencapaian pelajar. Antara faktor penyumbang kepada pencapaian akademik yang kurang memberangsangkan ialah masih ramai guru mengamalkan pengajaran dan pembelajaran berpusatkan guru.



Persekitaran pelajar tingkatan enam berbeza dengan persekitaran pelajar prauniversiti yang lain. Pengajaran guru dalam proses pengajaran tingkatan enam perlulah menjana satu pengajaran yang bersesuaian dengan pelajar tingkatan enam. Menurut Gardner (2006) kecerdasan pelbagai memperlihatkan teori yang berupaya mempertingkatkan pencapaian akademik dalam pendidikan. Ini kerana penekanan teori kecerdasan pelbagai memperlihatkan manusia sememangnya memiliki pelbagai kecerdasan yang boleh dan perlu diperkembangkan. Beliau menyatakan manusia mempunyai lapan kecerdasan asas merangkumi pelbagai kebolehan dan keupayaan, bakat dan kemahiran yang wujud secara semula jadi. Beliau mencadangkan kewujudan aspek-aspek kecerdasan pelbagai berasingan, unik sama berkualiti dan hadir dalam setiap individu manusia yang normal adalah berdasarkan tiga komponen utama iaitu: manusia tidak sama antara satu sama lain, tiada manusia yang mempunyai minda yang sama dan pendidikan berfungsi secara paling berkesan apabila perbezaan individu manusia diambil kira bukan dinafikan dan diabaikan. Dengan itu, kecerdasan pelbagai berupaya memperlihatkan guru mencungkil potensi pelajar dan mempertingkatkan motivasi dan minat pelajar dalam pembelajaran. Campbell dan Campbell (1999) menyokong teori kecerdasan pelbagai perlu diaplikasikan dalam pendidikan sebagaimana beliau menyatakan kecerdasan pelbagai bukan sahaja membantu individu mempelajari dengan kaedah yang pelbagai malah membantu mencungkilkan kekuatan individu dalam pembelajaran. Beliau mengakui kecerdasan pelbagai turut memberikan impak yang positif dalam pendidikan terhadap pencapaian akademik dalam kalangan pelajar. Menurut Gardner (2006) lapan domain kecerdasan pelbagai yang perlu diberi perhatian dalam



pendidikan ialah kecerdasan linguistik, logikal matematik, spatial, muzik, kinestetik, interpersonal, intrapersonal dan naturalis.

1.2.1 Kecerdasan Linguistik

Laporan Majlis Peperiksaan Malaysia (2014) melaporkan prestasi pencapaian subjek Pengajian Perniagaan menunjukkan prestasi yang rendah di mana keseluruhan calon menunjukkan tahap penguasaan bahasa yang agak rendah. Laporan Majlis Peperiksaan Malaysia (2016) turut melaporkan bahawa calon yang mengambil subjek Pengajian Perniagaan tidak berupaya mempersembahkan jawapan dengan tersusun, idea yang kaku dan menggunakan istilah yang kurang tepat. Selain itu, calon juga tidak menguasai kemahiran menjawab dengan baik dan tahap jawapan diberikan oleh calon masih pada tahap sederhana (MPM 2018). Menurut Gardner (2016) individu yang tidak berupaya memberi istilah, perkataan dengan tepat adalah kerana kecerdasan linguistik tidak dicungkil, di mana kecerdasan linguistik merupakan asas pendorong kecemerlangan akademik dalam pendidikan. Beliau menyatakan kecerdasan ini merujuk kebolehan mengolah dan menyusun perkataan secara berkesan dalam penulisan dan pertuturan. Individu yang mempunyai kecerdasan ini peka makna perkataan dan mahir berkomunikasi secara berkesan, menulis, membaca dan menghubungkan. Menurut Mahathir (2019) pembacaan yang kerap diamalkan oleh individu akan mendorong pembentukan personaliti mempunyai pendekatan pemikiran idea yang bernas dan baru. Pendapat ini disokong Annamalai dan Muniady (2013) yang bersetuju bahawa pembacaan merupakan satu

kaedah penerokaan pengetahuan dan memberi pengalaman yang baik. Ini seiring dengan kenyataan Gardner (2006) yang berpendapat bahawa kecerdasan linguistik dicungkil dalam kalangan pelajar seperti tingkah laku, kepercayaan dan nilai akan mengalami perubahan yang positif terhadap pembelajaran. Justeru itu, kecerdasan linguistik sekiranya diaplikasikan dalam pengajaran dan pembelajaran, calon akan berupaya memberi jawapan yang lebih baik dan dapat mempertingkatkan kefahaman mereka terhadap topik dipelajari.

1.2.2 Kecerdasan Logikal Matematik

Menurut laporan Majlis Peperiksaan Malaysia (2017) menyatakan bahawa hamper kesemua calon yang mengambil subjek Pengajian Perniagaan mencapai tahap sederhana, Kebanyakan calon menunjukkan tidak mempunyai kemahiran pengiraan. Justeru itu, calon banyak kehilangan markah dalam topik pengiraan. Menurut Gardner (2006) sekiranya guru mencungkil potensi pelajar yang memiliki kecerdasan logikal matematik, maka pelajar mampu mengemukakan hujah yang lebih rasional dan sistematik, serta mahir membuat kritikan secara logik. Beliau menjelaskan lagi bahawa pelajar akan memiliki kebolehan mengaplikasikan rasional serta ramalan secara sistematik dan logik. Akhirnya dengan kemahiran ini, pelajar mampu melihat setiap masalah mempunyai penyelesaiannya tersendiri melalui kaedah-kaedahnya yang tertentu. Beliau menambah, bahawa pelajar yang mempunyai kecerdasan ini mampu menganalisis masalah dan menyelesaikan masalah secara berterusan. Pelajar ini akhirnya akan mahir dalam kemahiran matematik dan pengiraan. Maka, seseorang pelajar yang dibimbing dari aspek kecerdasan logikal



matematik mampu menyelesaikan masalah secara sistematik dan logik dengan jayanya. Pelajar seterusnya akan lebih bermotivasi dalam pelajaran dan memberi kesan positif dalam pencapaian akademik.

1.2.3 Kecerdasan Spatial

Berdasarkan sukatan pelajaran subjek Pengajian Perniagaan (2012) setiap semester pelajar akan didedahkan topik berbentuk grafik dan diuji dalam peperiksaan awam iaitu melibatkan peratusan sebanyak 6% sehingga 20% (Kertas soalan subjek Pengajian Perniagaan 2019). Maka pengajaran dan pembelajaran yang melibatkan grafik adalah penting agar membantu mempertingkatkan pencapaian akademik pelajar. Ini seiring dengan Gardner (2006) yang menyatakan bahawa individu yang mempunyai kecerdasan spatial dapat mengesan rupa, bentuk, ruang, warna dan garisan dengan baik dan membentangkan idea secara grafik menggunakan unsur seni visual. Guru yang mencungkil kecerdasan spatial dalam kalangan pelajar bukan sahaja berupaya mempertingkatkan kemahiran pelajar menggunakan gambar, bentuk ilustrasi dan video dalam menghuraikan dan menjelaskan idea bahkan akan membantu pelajar mempertingkatkan pengetahuan mereka dalam pelbagai sudut.



1.2.4 Kecerdasan Muzik

Individu yang menghayati muzik, peka kepada bunyi, alat muzik akan mahir mengintegrasikan muzik dan multimedia serta pembentangan (Gulap, 2014). Individu yang mempunyai kecerdasan ini mampu mendengar bunyi yang dihasilkan dan membezakan not muzik digemari. Kecerdasan ini melibatkan kepakaran dalam prestasi, komposisi dan aspirasi terhadap muzik. Campbell (1990) melaporkan dalam kajiannya, penggunaan muzik membantu responden mengingat fakta. Impaknya, keputusan ujian menunjukkan pelajar yang sebelum ini kurang berjaya di sekolah menjadi seorang pelajaryang berjaya dalam pelajaran. Maklum balas positif ini telah diterima oleh responden dan sesi pembelajaran yang seronok wujud sepanjang pembelajaran dan pengajaran berlangsung.

Gardner (1983) menyatakan individu yang mempunyai kecerdasan muzik dan berupaya mengesan nada muzik, irama muzik serta melodi muzik akan lebih mudah mengingat dan mempunyai memori yang kuat. Muzik seperti yang dinyatakan Bonny dan Savary (1990) dapat merangsang minda berfungsi lebih cerdas. Lazimnya pengajaran dan pembelajaran subjek Pengajian Perniagaan dianjurkan dalam tiga waktu secara gabungan iaitu 24 waktu sehingga 28 waktu seminggu bersamaan 40 minit pada setiap waktu pembelajaran (Bahagian Pengurusan Sekolah Harian KPM, 2012). Waktu pembelajaran yang panjang ini akan mewujudkan rasa bosan dalam kalangan pelajar. Keadaan ini sudah tentu turut mempengaruhi tumpuan atau fokus pelajar untuk belajar secara berkesan. Kebosanan ini jika tidak dibendung, akhirnya akan menyebabkan pelajar terus khayal dan

tertinggal meskipun tetap berada dalam kelas tersebut. Sebagai seorang guru yang dedikasi, langkah proaktif hendaklah diambil bagi membendung masalah ini terus mempengaruhi pencapaian pelajar dalam pelajaran. Armstrong (2009) menyatakan bahawa muzik akan merangsang individu menghilangkan perasaan mengantuk, menggalakkan perkembangan kognitif, berupaya menarik tumpuan individu secara berkesan. Apabila murid dapat mendengar dengan jelas akan mewujudkan rasa keseronokan belajar dan seterusnya proses pembelajaran akan berjalan secara berkesan. Keberkesanan pembelajaran dan pencapaian pelajar lazimnya berkait rapat dengan keseronokan dan keberkesanan pengajaran dan pembelajaran guru. Pendekatan menggunakan muzik sebagai medium penarik minat pelajar antara kaedah yang perlu dipraktikkan oleh guru demi kelangsungan minat dan seterusnya pencapaian murid..

1.2.5 Kecerdasan Kinestetik

Kecerdasan Kinestetik merujuk kepada individu yang mempunyai kemahiran menggunakan anggota badan dalam penyampaian idea dan penyelesaian masalah dalam kehidupan. Berdasarkan sukatan pelajaran subjek Pengajian Perniagaan (2012) peruntukan masa Pengajian Perniagaan pada semester satu (120 waktu), semester dua (120 waktu) dan semester tiga (120 waktu). Waktu pembelajaran subjek ini di sekolah telah ditetapkan sebanyak 120 mint seminggu dan lazimnya waktu digabungkan kepada 3 waktu berturut-turut (Data Panitia, LMS 2019). Proses Pembelajaran yang panjang ini akan mempengaruhi pelajar kurang memberi perhatian sepenuhnya dalam topik dipelajari.

Menurut Gardner (2006) kecerdasan kinestetik penting dalam pendidikan kerana ia membantu pelajar mahir memanipulasi objek dan aktiviti melalui kemahiran motor halus dan kasar. Kecerdasan kinestetik dalam pendidikan seharusnya dapat mengurangkan tekanan pelajar dalam pembelajaran. Ini bermakna pelajar yang gemar pergerakan fizikal boleh dikawal dengan memberi latihan seperti projek dan portfolio yang bertujuan meningkatkan pemahaman dalam pembelajaran di samping mengawal disiplin pelajar. Menurut Armstrong (2009) kecerdasan fizikal dalam pengajaran dan pembelajaran juga berbentuk aktiviti *warming up* yang bertujuan menghilangkan perasaan penat, kebosanan dan perasaan mengantuk apabila pelajar berada dalam pembelajaran waktu yang lama. Beliau menyatakan aktiviti seperti mengerakkan tangan, jari dan kepala dilakukan semasa sesi pembelajaran dapat merangsang pelajar memberi tumpuan dalam pembelajaran. Lantaran itu, guru seharusnya mengaplikasikan pendekatan kecerdasan kinestetik dalam waktu pengajaran tiga waktu berterusan bagi membantu pelajar memberi tumpuan sepenuhnya semasa pembelajaran berlangsung.

1.2.6 Kecerdasan Interpersonal

Berdasarkan laporan Majlis Peperiksaan Malaysia (2017) menyatakan pencapaian tahap subjek Pengajian Perniagaan berada di tahap sederhana. Sebilangan besar calon masih tidak menguasai kemahiran menjawab soalan berbentuk Kemahiran Berfikir Aras Tinggi KBAT dengan baik. Berdasarkan sukatan pelajaran subjek Pengajian Perniagaan (2012) KBAT diberi penekanan dalam pengajaran dan pembelajaran ke atas pelajar tingkatan

enam yang mengambil subjek Pengajian Perniagaan. Maka pembelajaran berfikir secara kritis dan kreatif ini boleh dicapai sekiranya pengajaran dan pembelajaran yang boleh melibatkan pelajar secara aktif. Ini seiring dengan pendapat Gardner (2006) yang menyatakan bahawa pelajar hendaklah dilatih dalam aspek kecerdasan interpersonal. Kecerdasan ini akan mempengaruhi pelajar berfikir dan memahami konsep serta mampu menyelesaikan masalah secara kolektif.

Melalui kecerdasan interpersonal ini, individu akan lebih memahami perasaan, mempengaruhi orang lain dan mempunyai keupayaan menyelami hasrat serta emosi orang lain dengan baik. Kecerdasan interpersonal dalam kalangan pelajar akan secara tidak langsung mampu menyemai sikap saling memberi motivasi dalam kalangan ahli dalam kumpulan yang mana akhirnya akan turut memberi kesan positif dalam diri semua pelajar. Pelajar akan digalakkan berbincang antara satu sama lain dalam menyelesaikan masalah yang timbul, secara tidak langsung pembangunan idea yang unik dan kreatif dapat dibina dalam kalangan pelajar. Maka, perkongsian idea dalam sesi perbincangan membantu pelajar sering berkongsi idea yang pelbagai bersama ahli kumpulan. Justeru, guru akan mewujudkan kerjasama dalam kalangan pelajar sebagai satu kumpulan pasukan. Apabila pelajar diberi perhatian dan dibimbing belajar dalam satu pasukan, maka kecerdasan interpersonal yang tinggi akan mendorong pasukan memahami ahli dengan baik dan membawa pembelajaran melalui penyelesaian masalah secara berpasukan. Implikasinya pelajar akan mempunyai kemahiran penguasaan topik pembelajaran akan lebih mantap dan membantu mempertingkatkan pencapaian akademik.

1.2.7 Kecerdasan Intrapersonal

Menurut Gardner (2006) kecerdasan intrapersonal merujuk kepada individu yang mampu memahami kekuatan dan kelemahan diri serta membantu individu mengawal perasaan dan emosi diri. Keyakinan yang tinggi dalam kehidupan harian serta keazaman yang tinggi mendorong tumpuan yang tinggi dalam melaksanakan tugas serta berdikari. Disiplin yang tinggi di kalangan pelajar memudahkan guru membimbing mereka ke arah kebaikan. Individu yang mempunyai kecerdasan intrapersonal akan meneliti dan melakukan refleksi tentang kekuatan dan kelemahan diri sendiri. Individu akan menggunakan kekuatannya dengan cekap dan mempunyai kemahiran menggunakan kecekapan metakognitif.

1.2.8 Kecerdasan Naturalis

Menurut Gardner (2006) individu mampu mengenali dan mengklasifikasikan tumbuh-tumbuhan dan binatang dengan baik. Individu sanggup mengambil risiko mengenali kitaran hidup tumbuhan dan haiwan. Individu suka aktiviti luar seperti menjelajah alam semula jadi. Bersesuaian dengan sistem penaksiran STPM Baharu, di mana pelajar perlu menjalankan kajian di luar sekolah. Ini adalah bersesuaian dengan pembelajaran pendekatan naturalis di masa pelajar perlu berada di luar sekolah untuk mendapatkan sumber diperlukan untuk melengkapkan kerja kursus. Secara tidak langsung, kecerdasan ini membantu pelajar memerhati, memahami dan mengklasifikasikan tajuk dipelajari dalam pembelajaran dengan berkesan.



Rumusannya, pendidikan di sekolah memerlukan pendekatan pengajaran dan pembelajaran pendidikan berbeza untuk memenuhi keperluan pendidikan mengikut perubahan masa (Gardner, 2006). Maka guru perlu memainkan peranan penting untuk merancang aktiviti pengajaran dan pembelajaran agar memenuhi keperluan kecerdasan iaitu yang terdiri lapan domain kecerdasan pelbagai yang diperkenalkan oleh Gardner. Menurut Gardner (1989) hasil kajian pendidikan seni di China dan *United States* menunjukkan potensi seseorang individu boleh diperkembangkan merentasi budaya yang berbeza. Potensi yang diperkembangkan mendorong pencapaian akademik yang membanggakan.



Gardner (2006) melaporkan kebanyakan sekolah mempraktikkan pembelajaran yang sama di setiap kelas. Pendekatan ini menyebabkan sekolah tidak dapat mencungkil bakat pelajar yang pelbagai dalam sekolah. Pembelajaran berpusat memberi implikasi guru tidak peka terhadap potensi dan kekuatan pelajar. Peluang untuk seseorang pelajar meneroka ilmu dengan lebih berdikari terhad menyebabkan tahap pencarian ilmu serta pemikiran yang kritis dalam penyelesaian masalah sukar dipraktikkan dalam kehidupan. Justeru, pelbagai inovasi perlu dibuat dalam sesi pengajaran dan pembelajaran agar sejajar dengan arus globalisasi supaya para pelajar tingkatan enam lebih seronok seterusnya meningkatkan kecemerlangan dalam pencapaian akademik. Kecerdasan pelbagai jelasnya dapat memberi idea menjadikan pembelajaran lebih seronok dan memanfaatkan para pelajar dalam pendidikan (Gardner, 2006).



1.3 Pernyataan Masalah

Pendidikan tingkatan enam kerap dilabelkan sebagai pilihan terakhir bagi pelajar lepasan SPM. Namun begitu, kemasukan ke tingkatan enam merupakan satu laluan yang membolehkan seseorang pelajar tersebut melanjutkan pengajian peringkat universiti sekiranya memperolehi keputusan yang cemerlang di peringkat Sijil Tinggi Persekolahan Malaysia (Majlis Peperiksaan Malaysia, 2016). Kejayaan pelajar tingkatan enam bergantung pada komitmen yang tinggi disamping mampu mengaplikasikan kecerdasan yang dimiliki serta berupaya mengawal emosi agar dapat membuat sesuatu keputusan serta tindakan rasional. Pelajar bukan hanya perlu didedahkan pengetahuan yang pelbagai tetapi harus dapat menimba ilmu, mencungkil potensi serta memaksimumkan kekuatan diri sesuai dengan tahap kecerdasan mereka.

Dalam mengharungi kehidupan sebagai seorang pelajar, seseorang individu tersebut perlu mendepani pelbagai rintangan, dan cabaran yang pelbagai ke arah kejayaan dalam pelajaran. Kejayaan dalam pelajaran sudah semestinya dipengaruhi oleh pelbagai aspek yang dipraktikkan oleh pelajar disamping pelbagai pendekatan yang dipraktikkan oleh guru dalam mendidik mereka. Kegagalan pelajar mengaplikasikan kaedah kemahiran yang pelbagai dan amalan yang tepat serta pendekatan guru yang kurang berkesan akhirnya menyebabkan seseorang pelajar gagal dalam penguasaan pelajarannya. Justeru itu, kajian ini dijalankan antaranya adalah untuk melihat tahap amalan kemahiran pelbagai dalam kalangan pelajar mempengaruhi pencapaian mereka dalam pelajaran. Meskipun kegagalan pelajar juga turut dipengaruhi oleh pelbagai faktor yang boleh menyumbang kepada

kegagalan mereka dalam pelajaran, namun pengkaji hanya memfokuskan factor kemahiran pelbagai dalam menentukan kejayaan mahupun kegagalan perseorangan pelajar tersebut.

Pelajar tingkatan enam aliran sastera ditawarkan 22 subjek peperiksaan awam. Antara subjek yang didaftar sebagai calon kedua paling ramai di seluruh Malaysia ialah subjek Pengajian Perniagaan (Majlis Peperiksaan Malaysia 2019). Namun begitu, peratusan pencapaian subjek Pengajian Perniagaan adalah kurang memberangsangkan (Majlis Peperiksaan Malaysia, 2019). Subjek Pengajian Perniagaan merupakan subjek elektif, sukatan subjek ini telah digubal pada tahun 2012 bertujuan memperkenalkan sistem peperiksaan baharu memperbaiki orientasi pengajaran dan pembelajaran tingkatan enam supaya tidak jauh beza orientasi pengajaran dan pembelajaran di kolej dan universiti pada masa hadapan (sukatan pelajaran Subjek Pengajian Perniagaan, 2012). Objektif pengajaran dan pembelajaran subjek Pengajian Perniagaan ditawarkan kepada pelajar tingkatan enam adalah bertujuan menentukan kelayakan profesional membolehkan pelajar mempunyai peluang menceburi bidang pengurusan perniagaan, serta dalam tempoh tiga semester, pelajar akan menerapkan pengetahuan prinsip perniagaan, prinsip pengurusan dan asas keusahawanan. Namun begitu, keputusan subjek pengajian Perniagaan mencatatkan peratusan gagal untuk setiap semester adalah tinggi berbanding peratusan pelajar yang mencapai keputusan cemerlang adalah amat rendah. (Rujuk Jadual 1.5). Berdasarkan Jadual 1.5 jurang perbezaan Gred A pada semester satu adalah kurang dari 11peratus manakala semester dua peratus cemerlang kurang dari tiga peratus dan semester terakhir iaitu semester ketiga ialah kurang dari enam peratus. Trend penurunan calon pelajar yang berhenti pada setiap semester turut dilaporkan dalam jadual 1.5. Walaupun

data menunjukkan semakin kurang calon yang mengambil subjek Pengajian Perniagaan namun pada setiap semester pencapaian subjek Pengajian Perniagaan menunjukkan peratus kegagalan yang tinggi berbanding peratus gred cemerlang.

Jadual 1.5

Purata Peratus Lulus Subjek Pengajian Perniagaan Dari Tahun 2013 Sehingga 2019

Tahun	Gred A 4.0 (orang) @%	Gred F 0.00 (orang) @%	Jumlah calon (orang) @%	Gred A 4.0 (orang) @%	Gred F 0.00 (orang) @%	Jumlah calon (orang) @%	Gred A 4.0 (orang) @%	Gred F 0.00 (orang) @%	Jumlah Calon (orang) @%
2019	1 497 @ 8.53%	5 685 @ 32.39%	17 552	479 @ 2.75%	4 925 @ 28.29%	17 410	1 272 @ 7.37%	3 445 @ 19.95%	17 266
2018	1 385 @ 8.13%	5 820 @ 34.18%	17 029	317 @ 1.88%	5 038 @ 29.86%	16 873	986 @ 5.88%	2 842 @ 16.95%	16 764
2017	1 752 @ 10.28%	5 665 @ 33.24%	17 044	349 @ 2.08%	5 190 @ 30.97%	16 757	1 153 @ 6.93%	2 923 @ 17.75%	16 563
2016	1 468 @ 8.51%	6 509 @ 37.73%	17 252	194 @ 1.17%	5 313 @ 32.05%	16 576	754 @ 4.57%	2 390 @ 14.66%	16 301

(bersambung)

Jadual 1.5 (sambungan)

Tahun	Gred A 4.0 (orang @%)	Gred F 0.00 (orang @%)	Jumlah calon (orang) @%	Gred A 4.0 (orang @%)	Gred F 0.00 (orang @%)	Jumlah calon (orang) @%	Gred A 4.0 (orang @%)	Gred F 0.00 (orang @%)	Jumlah Calon (orang) @%
2015	1 233 @ 7.56%	6 351 @ 38.93 %	16 315	121 @ 0.77%	5 352 @ 33.94 %	15 769	580 @ 3.72%	2 798 @ 17.95 %	15 585
2014	1 218 @ 7.17%	7 647 @ 45.01 %	16 990	839 @ 5.17%	4 980 @ 30.69 %	16 225	569 @ 3.61%	3 127 @ 19.83 %	15 770
2013	420 @ 1.71%	8 871 @ 36.15 %	24 542	577 @ 2.62%	7 010 @ 31.86 %	22 022	984 @ 4.64%	3 738 @ 17.62 %	21 216

Tren ini amat membimbangkan kerana jika tidak dibendung sekarang, ianya akan bertambah parah. Natiujahnya kualiti pelajar yang belajar peringkat tingkatan enam ini akan terus menurun. Justeru itu kajian ini dijalankan untuk melihat hubungan kemahiran pelbagai ini menyumbang kepada keadaan ini atau sebaliknya.

Majlis Peperiksaan Malaysia (2016) dalam laporan tahunannya menyatakan bahawa kualiti pencapaian pelajar dalam subjek Pengajian Perniagaan ini masih belu memberansangkan. Kebanyakan pelajar masih gagal memberi jawapan nyang berkualiti seperti kehendak soalan. Selain itu Majlis Peperiksaan Malaysia (2014) menyatakan jurang pencapaian murid yang cemerlang dengan murid yang gagal agak ketara. Persoalan yang timbul ini berpunca daripada kualiti pengajaran guru atau sikap pelajar itu sendiri dalam

kesediaan menjawab soalan yang dikemukakan. Sekiranya ianya berpunca daripada kegagalan murid menguasai kemahiran pelbagai, maka satu pendekatan yang lebih relevan wajib dipraktikkan oleh guru agar gejala ini tidak terus menghantui pencapaian keseluruhan pelajar. Justeru itu kajian ini dijalankan untuk meninjau perkaitan yang dominan kepada masalah ini agar satu inisiatif yang lebih praktikal dapat direncanakan bagi membendung masalah ini dari berterusan.

Menurut MPM (2019) pencapaian pelajar gagal subjek Pengajian Perniagaan semester dua mencecah 4 925 orang pelajar. MPM (2019) mengulas pelajar semester dua yang gagal hanya mempunyai konsep tahap yang rendah tentang topik pembelajaran. Majoriti pelajar gagal memberi contoh yang sesuai dan fakta khusus yang kurang memuaskan. Namun begitu pada tahun 2019 trend pelajar semester dua yang gagal telah menunjukkan berlaku penurunan berbanding tahun 2015 sehingga tahun 2018. Pada tahun 2015 (5 352 orang), tahun 2016 (5 313 orang), tahun 2017 (5 190) dan tahun 2018 (5 038 orang) telah dicatatkan sebagai pelajar yang gagal dalam subjek Pengajian Perniagaan. Majlis Peperiksaan Malaysia (2018) menjelaskan pelajar semester dua yang gagal majoriti mendapat markah yang rendah kerana memberi huraian yang tidak tepat dan tidak berupaya memberi contoh yang bersesuaian maka pelajar kehilangan markah yang tinggi di semester dua. Majoriti pelajar turut dilaporkan gagal menjawab mengikut kehendak soalan dari segi memberi fakta yang tepat dan tidak memahami aras soalan (MPM, 2016) tidak berupaya menjawab soalan berbentuk KBAT dan menjawab secara kritis dan kreatif (MPM, 2017). Pelajar gagal memberi jawapan secara tersusun serta ayat bermutu yang menggambarkan keadaan secara jelas (MPM, 2016) dan (MPM, 2015). Majlis Peperiksaan

Malaysia (2015) turut mengakui pelajar tidak mempunyai penguasaan bahasa yang mantap menyebabkan calon mempunyai tahap pemahaman kurang memuaskan, majoriti pelajar menggunakan istilah yang kurang tepat seperti orang ramai yang mendorong kehilangan markah yang banyak dan calon yang cemerlang dan gagal menunjukkan jurang yang tinggi dalam subjek Pengajian Perniagaan.

Menurut Majlis Peperiksaan Malaysia (2019) menyatakan bahawa jumlah pelajar yang gagal subjek Pengajian Perniagaan pada semester tiga telah mencatatkan 3 445 orang. Data pencapaian subjek Pengajian Perniagaan sepanjang tiga semester telah menunjukkan bilangan pelajar gagal yang paling rendah berbanding semester satu dan semester dua. Namun jumlah pelajar yang mendaftar subjek Pengajian Perniagaan turut mencatatkan penurunan setiap semester. Menurut MPM (2019) pada semester tiga mencatatkan pelajar yang berhenti menduduki peperiksaan subjek Pengajian Perniagaan ialah seramai 144 orang pelajar. MPM (2018) mengulas prestasi semester tiga yang kurang memuaskan disebabkan pelajar tidak mempunyai pengetahuan yang sedia ada untuk menjawab soalan. Majoriti pelajar masih gagal menguasai fakta dengan baik walaupun soalan pada aras yang rendah (MPM, 2017) dan (MPM, 2016). Majoriti pelajar hanya mencapai markah purata 30% pada tahun 2017. Prestasi yang lemah dalam subjek Pengajian Perniagaan telah menunjukkan pelajar gagal memberi aplikasi contoh yang baik dan belum menguasai fakta sepenuhnya.

Subjek Pengajian Perniagaan dalam tempoh lapan tahun mencatatkan peratus lulus penuh yang sangat rendah. Sepanjang lapan tahun bermula tahun 2013 sehingga tahun

2019, prestasi pencapaian subjek Pengajian Perniagaan pada tahun 2014 semester satu telah mencatatkan peratus lulus penuh yang paling rendah iaitu 39.55%. Walaupun pada tahun berikutnya peratus lulus penuh meningkat secara berterusan sehingga tahun 2019 namun peratus lulus penuh hanya mencatatkan 52.97% yang kurang memberangsangkan (rujuk jadual 1.6).

Jadual 1.6

Purata peratus lulus subjek Pengajian Perniagaan dari tahun 2013 sehingga 2019

Tahun	Semester satu (%)	Jumlah Calon Semester satu	Semester dua (%)	Jumlah calon semester dua	Semester tiga (%)	Jumlah calon semester tiga
2019	52.97	17552/45633	51.57	17410/45206	62.57	17266/43035
2018	51.11	17029/43497	47.74	16873/43078	62.56	16764/42835
2017	49.30	17044/44132	49.4	16757/43457	61.58	16563/43035
2016	47.82	17252/45805	45.63	16576/43974	64.07	16301/43244
2015	47.22	16315/44109	42.52	15769/42899	60.71	15585/41913
2014	39.55	16990/45187	50.00	16225/43640	60.63	15770/42845
2013	42.49	24542/62969	48.60	22022/60903	62.94	21216/55184

Sumber: Laporan Peperiksaan Majlis Peperiksaan Malaysia 2013 sehingga 2019

Jadual 1.6 menunjukkan pencapaian subjek Pengajian Perniagaan pada semester dua mencatatkan penurunan dan peningkatan yang tidak stabil. Purata lulus penuh ialah di lingkungan 40 peratus. Pada tahun 2019, peratus lulus penuh mencatatkan penurunan berbanding peratus lulus semester satu iaitu 51.57 peratus namun pencapaian subjek ini masih kurang memuaskan (Laporan Peperiksaan Majlis Peperiksaan Malaysia, 2019).

Pada tahun 2013, pencapaian subjek Pengajian Perniagaan semester tiga mencatatkan peratus lulus penuh yang paling rendah iaitu 60.63%. Pada tahun berikutnya

peratus lulus penuh mencatatkan peningkatan secara berterusan secara perlahan. Dalam tempoh enam tahun peratus lulus penuh hanya mencatatkan peningkatan kepada 62.57%. Purata peratus lulus mencatatkan berada dalam lingkungan 60%. Berdasarkan pencapaian subjek Pengajian Perniagaan semester tiga pada tahun 2018 peratus lulus penuh mencatatkan 62.56%. Ini jelas menunjukkan peningkatan pencapaian subjek Pengajian Perniagaan semester tiga hanya mencapai peningkatan yang tidak ketara 1% kepada 62.57%. pada tahun 2019.

Muhammed Mustafa Ishak (2018) berpendapat bahawa pencapaian STPM perlu dipertingkatkan lagi ke peringkat lebih cemerlang. Beliau menyatakan penjenamaan semula tingkatan enam seharusnya meningkatkan kualiti pencapaian lebih meyakinkan. Namun secara keseluruhannya, pencapaian subjek Pengajian Perniagaan dalam tempoh lapan tahun sepanjang tiga semester purata peratus lulus penuh hanya mencapai 54.38% di akhir semester pada tahun 2017 dan peratus lulus penuh purata semester satu sepanjang lapan tahun hanya mencapai 41.31%, semester dua ialah 41.93%.

Menurut Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM, 2012) mendapati kualiti pengajaran guru signifikan dalam pencapaian pelajar. Antara faktor penyumbang kepada pencapaian akademik ialah masih terdapat ramai guru yang tidak mengamalkan pengajaran dan pembelajaran berdasarkan sistem pendidikan baru.

Maka, penyelidik beranggapan pendaftaran subjek Pengajian Perniagaan merupakan subjek ketua paling tinggi didaftar sebagai subjek peperiksaan malah

pencapaian subjek Pengajian Perniagaan masih berada di tahap yang kurang memberangsangkan berbanding subjek teras. Ini jelas menunjukkan pencapaian kurang memberangsangkan dan tidak memuaskan adalah bercanggah dengan saranan KPM yang mengharapkan semua sekolah mampu melahirkan modal insan yang berdaya saing di pasaran global. Kegagalan mencapai sasaran ditetapkan boleh dilihat dari segi perbezaan jurang lulus penuh yang dengan peratus pelajar gagal subjek Pengajian Perniagaan yang tinggi akan menyebabkan ramai pelajar kehilangan peluang melanjutkan pelajaran ke Institusi Pengajian Tinggi. Oleh itu, masalah ini perlu diberi perhatian agar misi Kementerian Pendidikan Malaysia menyasarkan sekolah mencapai pencapaian prestasi tinggi mampu direalisasikan dengan jayanya.

Sememangnya setiap individu dilahirkan dengan kecerdasan yang pelbagai. Sekiranya kecerdasan pelbagai yang ada dalam diri pelajar tidak digunakan secara optimum kesannya pelajar tidak mampu meningkatkan pencapaian akademik (Gardner, 1983). Ini selaras dengan kenyataan Pusat Perkembangan Kurikulum (2001) yang menyokong teori kecerdasan pelbagai membantu murid memperoleh keperluan untuk hidup di abad akan datang melalui kemahiran menyelesaikan masalah, kemahiran berkomunikasi dan kolaboratif dan juga mencintai dan menjaga alam sekitar. Maka, guru dapat memperkayakan kandungan pembelajaran yang lebih prihatin pengaruh kecerdasan pelbagai terhadap pencapaian akademik pelajar semasa mengajar serta berusaha merealisasikan Falsafah Pendidikan Kebangsaan (Salhah, 2009). Persoalannya, adakah guru mengamalkan pengajaran yang pelbagai?



Kecerdasan pelbagai membantu pelajar belajar mengikut keperluan, membantu memfokuskan isi kandungan pembelajaran dan yang lebih penting menyeronokkan. Teori kecerdasan pelbagai telah berjaya dibuktikan apabila pola pendidikan diubah di seluruh dunia (Siti Rahayah, Roseni Ariffin, Arbaiyah Md & Nik Nurolhuda; 2011) dari pendidikan prasekolah (Johari & Nur; 2008) ke institusi peringkat tinggi (Sait & Yavuz; 2016, Benazir & Fauzia, 2013; Siti Rahayah, Subam, Norasmah Othman & Ibrahim 2004; Snyder, 2000). Guru mendasari teori ini lebih efektif mempraktikkan strategi pengajaran berkesan berbanding penyampaian isi kandungan (Gardner, 2006; Jennifer, 2014; Wilson, 2013; Gouws, 2008). Selain itu, kecerdasan pelbagai juga didapati dapat mempertingkatkan harga diri, kreativiti serta dapat meningkatkan pengajaran yang menyeronokkan dalam kalangan pelajar (Pusat Perkembangan Kurikulum, 2001:4). Namun, teori kecerdasan pelbagai tidak mendapat perhatian secara meluas dalam bidang pendidikan (Wilson, 2013; Dryden & Vos 2005).

Menurut Majid, Mohamad Jafre dan Khairul (2012) kecerdasan pelbagai diterapkan dalam kurikulum sekolah bestari di Malaysia bermula tahun 1997. Seterusnya pada tahun 2007, teori kecerdasan pelbagai diperkenalkan di sekolah di Malaysia dalam kalangan pelajar berumur 13 tahun dan 16 tahun (Pusat Perkembangan Kurikulum, 2001). Guru seharusnya mempraktikkan pengajaran dan pembelajaran menggunakan pendekatan teori kecerdasan pelbagai. Justeru itu, guru-guru seharusnya menggunakan pelbagai kaedah penyampaian bagi membantu pelajar berminat dalam pembelajaran mereka.



Sehubungan dengan itu, kajian lepas melaporkan kecerdasan pelbagai boleh mempengaruhi pencapaian pelajar seperti dilaporkan Armstrong (2000); Bermen (1998) dan Campbell dan Campbell (1996). Anak-anak sememangnya dilahirkan mempunyai kecerdasan pelbagai yang berbeza. Akan tetapi, dalam konteks sebagai pelajar, mereka mempunyai cara pembelajaran tersendiri, ada yang suka belajar secara berkumpulan, ada yang suka belajar secara individu. Dalam konteks ini, guru yang gagal mengenal pasti kekuatan pelajar dalam pembelajaran akan mendorong pelajar hilang minat dalam pembelajaran dan memberi impak yang negatif dalam pencapaian akademik.

Dalam pada itu, Marmolejo (2017) Ketua Pakar Pendidikan Tinggi Bank Dunia, menjelaskan sistem pendidikan tinggi di seluruh negara akan mengalami perubahan hasil revolusi industri 4.0. Pengetahuan yang ada pada hari ini hanya dapat menyumbang satu peratus menjelang 30 tahun akan datang. Ini bermakna, pasaran kerja akan dipenuhi individu yang berkemahiran, kreatif dan mempunyai pemikiran kritis. Namun, menurut Mohamad Mustafa (2017) pelajar tingkatan enam yang mencapai keputusan lima A dan empat A sejak tahun 2015 semakin menurun. Pada hakikatnya, keputusan seharusnya lebih memberangsangkan. Maka, jelasnya sekiranya pendidikan yang fleksibel tidak dirancang, maka semua golongan yang gagal akan terpinggir dan tidak diberi perhatian dalam era globalisasi dan digital (Marmolejo, 2017).

Maka, kita mesti berganjak kepada satu fahaman bahawa semua manusia berpotensi dan mampu menonjolkan mereka dalam pelbagai bentuk dan keadaan. Kegagalan dalam pencapaian akademik yang cemerlang bukan bererti gagal kerana



pencapaian dalam konteks seseorang pelajar merujuk kecenderungan seseorang dalam mengingat fakta serta keupayaan menyelesaikan masalah. Sebagaimana yang dinyatakan oleh Gardner (1983), kecerdasan pelbagai membolehkan guru mempelbagaikan teknik pengajaran dan lebih kreatif dalam mengembangkan kecerdasan dan potensi pelajar. Kecerdasan pelbagai tidak menghadkan guru ke atas cara pengajaran tertentu tetapi mengaplikasikan pendekatan yang pelbagai dalam pengajaran. Namun demikian, kegagalan guru yang tidak berupaya mengenal pasti kecerdasan pelbagai boleh memberi impak negatif ke atas pengurusan modal insan dalam pendidikan negara. Kegagalan ini menyebabkan pembaziran sumber manusia dan memberi kesan ke atas Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) 2013-2025 memberi fokus dalam membangunkan modal insan.



Maka adalah wajar mengkaji sama ada sesuai mempraktikkan kecerdasan pelbagai dalam subjek Pengajian Perniagaan. Seperti mana dilaporkan Gardner (1999) kecerdasan pelbagai pada seseorang individu dilihat melalui pelbagai dimensi. Teori ini mencungkil potensi individu dengan menggunakan kecerdasan pelbagai yang dimiliki untuk memperoleh pendapatan bagi menampung keperluan dan kehendak mereka pada masa hadapan. Tidak dinafikan pelaksanaan kecerdasan pelbagai berupaya memperbaiki kemahiran pembelajaran pelajar dan menarik minat pelajar dan potensi pelajar dalam pembelajaran. Persoalannya, adakah teori kecerdasan pelbagai sesuai dipraktikkan dalam semua subjek? Wilson (2013) menyatakan kajian lebih dilaksanakan pada subjek Matematik, Bahasa dan Sains (Lazear, 2000; Schirduan 2001 & Siti Rahayah, Roseni dan Hafsa, 2008). Walau bagaimanapun, kecerdasan pelbagai sehingga kini masih belum






dilaksanakan dalam subjek Pengajian Perniagaan pelajar tingkatan enam. Maka, untuk memenuhi sistem baharu STPM, jika kecerdasan pelbagai diperhalusi sudah pasti bukan sahaja mendorong mencungkil idea baharu dalam kalangan pelajar malah membimbing pelajar menyelesaikan masalah dalam kehidupan harian.

Akhir sekali, pengkaji menjalankan kajian ini bagi mengkaji pengaruh kecerdasan pelbagai yang dominan dan signifikan terhadap pencapaian subjek Pengajian Perniagaan dalam kalangan pelajar tingkatan enam bagi mempertingkatkan pencapaian mereka dalam subjek Pengajian Perniagaan secara keseluruhannya.



Bagi tujuan kajian ini, penyelidik menggunakan pemboleh ubah seperti dalam rajah Rajah 1.1 bagi membina konsep kajian ini. Kajian ini dilakukan untuk melihat pencapaian akademik pelajar Pengajian Perniagaan yang disesuaikan berdasarkan kajian Gardner (1983, 2000) dan Armstrong (1994). Domain kecerdasan pelbagai seperti domain kecerdasan linguistik, kecerdasan logikal matematik, kecerdasan spatial, kecerdasan muzik, kecerdasan kintestetik, kecerdasan interpersonal, kecerdasan intrapersonal dan kecerdasan naturalis.





Rajah 1.1. Kerangka Konsep kajian

Kerangka konsep ini mengaplikasikan teori kecerdasan pelbagai Gardner (1983) yang mempunyai pengaruh terhadap pencapaian akademik pelajar di seluruh subjek dan bersesuaian semua tahap pendidikan (Campbell & Campbell 1999, Armstrong 2009, Hoeer 2013).



Pemboleh ubah bebas domain kecerdasan pelbagai merupakan lanjutan sokongan terhadap kajian terdahulu. Peranan kecerdasan pelbagai telah menunjukkan pencapaian yang signifikan terhadap pencapaian akademik di semua subjek yang mengaplikasikan kecerdasan dalam pengajaran dan pembelajaran. Bagi tujuan kajian ini, penyelidik telah menggunakan ukuran pencapaian berdasarkan standard ditetapkan oleh Majlis Peperiksaan Malaysia terhadap Sijil Tinggi Persekolahan Malaysia. Standard ini dapat mengukur tahap kecemerlangan, lulus penuh, separuh lulus dan gagal dalam semua subjek yang selaras dengan saranan Kementerian Pelajaran Malaysia (2012) diambil inisiatif oleh pihak Bahagian Pengurusan Sekolah Harian (2012) mewujudkan satu pengurusan baharu tingkatan enam dalam aspek kurikulum, kokurikulum, hal ehwal murid dan penyelidikan dalam tingkatan enam.



1.5 Tujuan dan objektif kajian

Matlamat kajian ialah:

Pada asasnya kajian ini ialah bertujuan mengkaji hubungan kecerdasan pelbagai terhadap pencapaian akademik pelajar subjek pengajian Perniagaan.

Objektif:

Bagi memenuhi matlamat kajian yang ditetapkan, objektif kajian ialah

- i) Untuk menentukan tahap kecerdasan pelbagai pelajar yang mengambil subjek Pengajian Perniagaan.



- ii) Untuk menentukan perbezaan demografi kecerdasan pelbagai pelajar yang mengambil subjek Pengajian Perniagaan
- iii) Untuk menguji hubungan di antara tahap kecerdasan pelbagai dengan pencapaian akademik pelajar STPM
- iv) Untuk menentukan pengaruh domain kecerdasan pelbagai terhadap pencapaian akademik subjek Pengajian Perniagaan.

1.6 Persoalan Kajian

Berdasarkan objektif kajian yang dikemukakan, beberapa persoalan kajian telah dibuat agar memenuhi kehendak dan objektif yang telah ditetapkan. Antara persoalan kajian ialah:

- i) Apakah tahap kecerdasan pelbagai pelajar yang mengambil subjek Pengajian Perniagaan?
- ii) Adakah terdapat perbezaan demografi kecerdasan pelbagai antara pelajar yang mengambil subjek Pengajian Perniagaan?
- iii) Adakah wujud hubungan di antara tahap kecerdasan pelbagai dengan pencapaian akademik pelajar STPM?
- iv) Adakah wujud pengaruh domain kecerdasan pelbagai terhadap pencapaian akademik subjek Pengajian Perniagaan?

1.7 Hipotesis Kajian

Hipotesis ialah jangkaan tentang peristiwa berdasarkan kesimpulan yang bersifat umum tentang anggapan hubungan dengan pemboleh ubah-pemboleh ubah (Tuckman, 1972). Beberapa hipotesis telah dibentuk dalam kajian kecerdasan pelbagai terhadap pencapaian akademik pelajar bagi subjek Pengajian Perniagaan.

H₀₁ Tidak terdapat perbezaan demografi yang signifikan di antara kecerdasan pelbagai dengan pencapaian akademik pelajar yang mengambil subjek Pengajian Perniagaan.

H₀₂ Tidak terdapat hubungan yang signifikan di antara kecerdasan linguistik dengan pencapaian pelajar subjek Pengajian Perniagaan.



05-4506832

H₀₃ Tidak terdapat hubungan yang signifikan di antara kecerdasan logikal matematik dengan pencapaian pelajar subjek Pengajian Perniagaan.

H₀₄ Tidak terdapat hubungan yang signifikan di antara kecerdasan spatial dengan pencapaian pelajar subjek Pengajian Perniagaan.

H₀₅ Tidak terdapat hubungan yang signifikan di antara kecerdasan muzik dengan pencapaian pelajar subjek Pengajian Perniagaan.

H₀₆ Tidak terdapat hubungan yang signifikan di antara kecerdasan kinestetik dengan pencapaian pelajar subjek Pengajian Perniagaan.

H₀₇ Tidak terdapat hubungan yang signifikan di antara kecerdasan interpersonal dengan pencapaian pelajar subjek Pengajian Perniagaan.

H₀₈ Tidak terdapat hubungan yang signifikan di antara kecerdasan intrapersonal dengan pencapaian pelajar subjek Pengajian Perniagaan.

- H₀₉ Tidak terdapat hubungan yang signifikan di antara kecerdasan naturalis dengan pencapaian pelajar subjek Pengajian Perniagaan.
- H₀₁₀ Tidak terdapat pengaruh domain yang signifikan di antara kecerdasan linguistik dengan pencapaian pelajar subjek Pengajian Perniagaan.
- H₀₁₁ Tidak terdapat pengaruh domain yang signifikan di antara kecerdasan logikal matematik dengan pencapaian pelajar subjek Pengajian Perniagaan.
- H₀₁₂ Tidak terdapat pengaruh domain yang signifikan di antara kecerdasan spatial dengan pencapaian pelajar subjek Pengajian Perniagaan.
- H₀₁₃ Tidak terdapat pengaruh domain yang signifikan di antara kecerdasan muzik dengan pencapaian pelajar subjek Pengajian Perniagaan.
- H₀₁₄ Tidak terdapat pengaruh domain yang signifikan di antara kecerdasan kinestetik dengan pencapaian pelajar subjek Pengajian Perniagaan.
- H₀₁₅ Tidak terdapat pengaruh domain yang signifikan di antara kecerdasan interpersonal dengan pencapaian pelajar subjek Pengajian Perniagaan.
- H₀₁₆ Tidak terdapat pengaruh domain yang signifikan di antara kecerdasan intrapersonal dengan pencapaian pelajar subjek Pengajian Perniagaan.
- H₀₁₇ Tidak terdapat pengaruh domain yang signifikan di antara kecerdasan naturalis dengan pencapaian pelajar subjek Pengajian Perniagaan.

1.8 Batasan Kajian

Kajian ini hanya dijalankan terhadap lapan buah sekolah tingkatan enam yang menawarkan subjek Pengajian Perniagaan di daerah LMS. Kajian ini tidak melibatkan semua sekolah di Perak atas faktor geografi Negeri Perak yang luas dan kawasan sekolah berselerak di negeri Perak. Kajian ini juga hanya memberi tumpuan pengaruh kecerdasan pelbagai terhadap pencapaian akademik pelajar tingkatan enam. Kajian ini tidak mengkaji kecerdasan pelbagai yang terdapat pada guru yang mempunyai hubungan terhadap pencapaian akademik.

Selain itu, peruntukan masa yang terhad untuk mengedarkan borang soal selidik kepada responden yang dipilih secara rawak dan terhad di daerah LMS menyebabkan penyelidik perlu berbincang dengan guru subjek Pengajian Perniagaan dan guru kaunseling untuk mengedarkan borang soal selidik ketika pengajaran dan pembelajaran subjek Pengajian Perniagaan. Peruntukan masa diberi kepada penyelidik hanya terhad kepada satu jam dua puluh minit sahaja. Justeru itu, penyelidik perlu mengurus masa dengan cekap untuk memberi penjelasan berkaitan soalan dalam kajian kepada responden agar pengumpulan soal selidik dapat dilakukan tepat pada masa.

1.9 Kepentingan kajian

Transformasi yang berlaku dalam pendidikan tingkatan enam menyebabkan guru yang mengajar tingkatan enam perlu berubah dalam aspek penyampaian pengajaran di dalam kelas. Sistem pendidikan tingkatan enam tidak sama dengan pendidikan peringkat sekolah rendah dan sekolah menengah dan pengajian prauniversiti yang lain. Kecemerlangan pendidikan tingkatan enam perlu ditingkatkan lagi supaya pendidikan prauniversiti di sekolah berjaya mencapai matlamat. Guru yang mengajar tingkatan enam memainkan peranan amat penting membantu mencapai matlamat sistem pendidikan tingkatan enam yang mengalami perubahan kurikulumnya.

Kajian yang dijalankan memberi fokus terhadap kecerdasan pelbagai terhadap pencapaian akademik pelajar yang mengambil subjek Pengajian Perniagaan. Dapatan kajian cuba melihat pengaruh kecerdasan pelbagai boleh mempengaruhi pencapaian akademik pelajar yang mengambil subjek Pengajian Perniagaan di daerah LMS, Perak. Dapatan yang diperolehi boleh dijadikan satu maklumat penting dalam bidang pengajaran yang signifikan kepada pihak berkepentingan dalam membuat keputusan berkaitan subjek Pengajian Perniagaan seperti kaedah mengajar dalam topik pembelajaran harian.

Melalui kajian ini, penyelidik boleh mengetahui domain yang mempengaruhi pencapaian akademik pelajar dalam subjek Pengajian Perniagaan iaitu terdiri daripada domain kecerdasan linguistik, kecerdasan logikal matematik, kecerdasan spatial,

kecerdasan muzik, kecerdasan interpersonal, kecerdasan intrapersonal dan kecerdasan naturalis.

Hasil dapatan kajian ini dapat menyumbang kepada pihak membuat keputusan dalam menentukan program latihan yang dijalankan terhadap guru-guru terlibat dalam subjek Pengajian Perniagaan. Latihan yang diberikan mampu memberi kesan positif dalam pembelajaran. Latihan yang diberikan menepati matlamat menekankan pembelajaran mencungkil potensi pelajar yang menepati teori kecerdasan pelbagai. Dengan itu, kajian ini berupaya mengesan keperluan domain kecerdasan pelbagai dalam pengajaran yang dapat digunakan dalam pengajaran dan pembelajaran, keberkesanan guru di dalam bilik darjah daripada program latihan dilaksanakan bertujuan membentuk kualiti peribadi seperti memberi motivasi dan meningkatkan keyakinan pelajar dalam pembelajaran dan pengajaran.

Rumusannya, kajian yang dijalankan berupaya mengesan kekuatan pelajar yang menjadi asas permulaan tindakan guru dalam merancang dan mengajar pelajar dalam subjek Pengajian Perniagaan. Kajian domain kecerdasan pelbagai dijadikan satu dapatan kajian yang dapat memberi sumbangan kepada pencapaian akademik pelajar dalam subjek Pengajian Perniagaan.



1.10 Definisi operasi

1.10.1 Kecerdasan Pelbagai

Gardner (1983, 2006) menggambarkan kecerdasan pelbagai individu terdiri daripada lapan domain kecerdasan pelbagai iaitu kecerdasan linguistik, kecerdasan logikal matematik, kecerdasan spatial, kecerdasan muzik, kecerdasan interpersonal, kecerdasan intrapersonal dan kecerdasan naturalis.

1.10.2 Tingkatan Enam



Tingkatan enam merujuk tahap pendidikan selepas menengah atau pendidikan prauniversiti di sekolah yang dikendalikan oleh Bahagian Pengurusan Sekolah Harian, KPM yang beroperasi di sekolah menengah bantuan penuh kerajaan iaitu Sekolah Menengah Kebangsaan dan Sekolah Menengah Agama.

1.10.3 Pencapaian Akademik

Pencapaian akademik STPM yang dikategorikan kepada tiga tahap. Antaranya tahap lulus penuh (Gred A, A-, B+, B, B- dan C), lulus sebahagian (C-, D+ dan D) dan gagal (F).





Pencapaian akademik yang cemerlang merujuk pencapaian subjek Pengajian Perniagaan mencapai tahap lulus penuh Gred A, A-, B+ dan B (MPM, 2012).

1.10.4 Pengajaran

Menurut Abdul Sukor Sharri (2011) pengajaran ialah proses penyebaran ilmu pengetahuan membolehkan perubahan tingkah laku pelajar iaitu merujuk guru tingkatan enam yang menyampaikan pengajaran kepada pelajar tingkatan enam. Kajian ini memberi tumpuan dalam pengajaran subjek Pengajian Perniagaan. Kod kertas subjek Pengajian Perniagaan ialah 946/1, 946/2, 946/3 dan 946/4.



1.10.5 Pengajian Perniagaan

MPM (2012) subjek Pengajian Perniagaan merupakan subjek jurusan kemanusiaan yang ditawarkan dalam tingkatan enam sebagai subjek elektif. Pengajian Perniagaan merupakan subjek yang ditawarkan kepada pelajar tingkatan enam agar pelajar dapat menikmati prinsip perniagaan, prinsip pengurusan dan asas keusahawanan. Kajian ini memberi tumpuan pencapaian akademik subjek Pengajian Perniagaan dengan menggunakan teori kecerdasan pelbagai.



1.10.6 Waktu Mengajar

Waktu mengajar merujuk waktu mengajar dalam seminggu iaitu 24 waktu sehingga 26 waktu. Setiap waktu perlu memenuhi 40 minit. (Akta Pendidikan dan Pekeliling) Jumlah waktu setiap subjek bagi tingkatan enam ialah 320 minit dalam masa seminggu. Waktu pengajaran dan pembelajaran berubah mengikut pekeling ikhtisas semasa.

1.10.7 Matlamat Pengajaran

Menurut Myers dan Myers (1995) menjelaskan matlamat pengajaran merujuk objektif pengajaran guru yang perlu dicapai di dalam kelas bergantung pada tajuk subjek dengan tuntutan pemimpin sekolah, komuniti dan kerajaan. Kajian ini menyarankan guru perlu mengajar subjek Pengajian Perniagaan berdasarkan sukatan pelajaran Pengajian Perniagaan.

1.10.8 Pengajaran Dan Pembelajaran

Pengajaran dan pembelajaran merujuk pengajaran dan pembelajaran dalam subjek Pengajian Perniagaan pada semester 1, 2 dan 3 (Sukatan pelajaran Pengajian Perniagaan, 2012).

1.10.9 Pengalaman Berniaga

Pengalaman berniaga merujuk pelajar mempunyai pengalaman bekerja di peruncitan dan perkhidmatan pada masa cuti sekolah. Pengalaman bekerja membolehkan pelajar memahami teori pembelajaran subjek Pengajian Perniagaan.

1.10.10 Pengalaman Pembelajaran

Pengalaman pembelajaran merujuk pelajar mengambil subjek Perdagangan dan menduduki peperiksaan awam SPM bagi subjek Perdagangan. Pengalaman pembelajaran perdagangan dari tingkatan empat sehingga tingkatan lima membolehkan pelajar menguasai konsep Pengajian Perniagaan apabila pelajar mendaftar subjek Pengajian Perniagaan di tingkatan enam sebagai subjek peperiksaan awam.

1.11 Rumusan

Kecemerlangan subjek Pengajian Perniagaan amat penting bagi memenuhi keperluan dan kehendak terhadap permintaan pelajar bagi memenuhi syarat melanjutkan pelajaran ke IPTA. Pembelajaran kecerdasan pelbagai amat diperlukan dalam usaha memantapkan kecemerlangan subjek Pengajian Perniagaan.